



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

"DAN apa jua musibah yang menimpa kamu maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu."

- Firman Allah dalam Surah Asy-Syura, ayat 30

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.16

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 68 BILANGAN 140

22 NOVEMBER 2023 / 8 جمادي الأول 1445

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERWAKILAN WAGGGS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam semasa berkenan bergambar ramai bersama para perwakilan dari Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia. Berangkat sama, anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkih binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman (Lihat Muka 3).

Tingkatkan pengetahuan mengenai analisis Tenaga Kerja

Siaran Akhbar : Institut Perkhidmatan Awam

RIMBA, Isnin, 20 November. - Seramai 24 penjawat awam dari negara anggota ASEAN, Timor-Leste dan Sekretariat ASEAN termasuk wakil daripada 10 delegasi dari pelbagai kementerian-kementerian di Negara Brunei Darussalam menghadiri Bengkel Perancangan Tenaga Kerja dan Analitik Sektor Awam yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 22 November 2023 berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan bengkel tersebut ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman.

Turut hadir, Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh; Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff dan pegawai-pegawai lain.

>> Muka 11

Sepakat mengurangkan kemunculan, penyebaran kerintangan antimikrob

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Kesedaran sejagat mengenai Kerintangan Antimikrob (Antimicrobial Resistance - AMR) diserlahkan minggu ini melalui sambutan Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia (WAAW), yang mana kempen pada tahun ini bertujuan untuk mengingatkan kita semua tentang isu utama kesihatan global dan cabaran pembangunannya yang merentasi sektor kesihatan manusia, haiwan, pertanian dan alam sekitar.

Perkara tersebut dinyatakan dalam

>> Muka 7

Pupuk nilai kerjasama demi pembangunan bersama

Oleh: Khartini Hamir

JERUDONG, Isnin, 20 November. - Bagi meraikan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Kesultanan Oman dan Hari Kebangsaan Oman Ke-53, Kedutaan Kesultanan Oman di NBD malam tadi menganjurkan majlis resepsi yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu

perutusan bersama Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid sempena Sambutan Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia 2023.

>> Muka 8

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



92 pelajar diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran

Muka 9



NYALAN lampu biru tanda sokong Hari Kanak-kanak Sedunia

Muka 13



LAWATAN tingkatkan, memperluaskan ilmu pengetahuan

Muka 17



MAJLIS Ilmu : Wadah meraih ilmu, menyatukan ummah

Muka 20

Buka ruang berinteraksi bersama orang ramai melalui Hari Terbuka KHEDN

*Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahirabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-I-Wal
Mursalin, Sayyidina Muhammaddin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in
Assalamu' Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

TERLEBIH dahulu peramba / kaola / saya sukacita mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, para hadirin-hadirat ke Majlis Perasmian Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi Tahun 2023 pada pagi ini.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya dapat mengunggulkan Hari Terbuka ini, yang akan berlangsung selama tiga hari, bermula pada hari ini, dan akan berakhir pada Khamis, 16 hari bulan November 2023.

Program ini adalah salah satu usaha KHEDN untuk membuka ruang kepada orang ramai untuk dapat berinteraksi secara langsung dan mengetahui lebih dekat berkenaan dengan fungsi, peranan dan tugas tanggungjawab kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Program seumpama ini juga adalah merupakan wadah bagi kementerian

ini untuk membarigakan dan menyalurkan maklumat yang terkini dan tepat termasuk perkembangan baharu dalam menyampaikan perkhidmatan-perkhidmatan, inisiatif-inisiatif termasuk penggunaan teknologi maklumat dan akta-akta dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan.

Di samping itu juga, orang ramai juga dapat mengemukakan sebarang cadangan dan persoalan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan. Ini termasuklah peranan dan tanggungjawab di peringkat akar umbi yang sudah setentunya sebagai orang yang pertama ditemui oleh orang kampung jika terdapat sebarang perkara yang memerlukan perundingan dan tindakan-tindakan tertentu.

Pelbagai aktiviti telah disusun di mana selain pameran yang dapat kita saksikan di sekeliling dewan ini, sesi demonstrasi dari Jabatan Penjara dan Jabatan Bomba dan Penyelamat juga InsyaAllah akan diadakan.

Aturcara lain akan memuatkan *Talk Series* yang akan menentang pelbagai topik yang berkaitan dengan perkhidmatan antaranya Lesen Pekerja Asing dan Maklumat Agensi Pekerjaan; Hiburan Awam; Penguatkuasaan Akta dan Peraturan, Peranan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dan juga mengenai dengan Pengurusan Bencana

Kebangsaan.

Selain itu, program ini secara tidak langsung akan memberikan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga tempatan dalam menggalakkan dan memperkukuhkan sosioekonomi dengan penyertaan daripada pengusaha-pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P), produk-produk Rakan Niaga TUNAS, *Food Trucks*, dan Produk Insaf dari Jabatan Penjara bagi menentang produk-produk yang mereka hasilkan.

InsyaAllah satu tayangan video akan ditayangkan yang menentang pencapaian-pencapaian yang dihasilkan oleh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Akhir sekali, peramba / kaola / saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh ahli-ahli jawatankuasa dan warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya termasuk semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Hari Terbuka KHEDN pada hari ini. Semoga apa jua bentuk sumbangan, khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan itu akan mendapat keredaan dan ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Perasmian Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun 2023 pada Selasa, 30 Rabiulakhir 1445 Hijrah bersamaan 14 November 2023 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Landasan Lama Berakas.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	JAMADILAWAL HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	RABU	8	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.03	7.16
23	KHAMIS	9	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16
24	JUMAAT	10	4.39	4.49	6.10	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16
25	SABTU	11	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	AHAD	12	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
27	ISNIN	13	4.39	4.49	6.12	6.35	12.09	3.30	6.04	7.17
28	SELASA	14	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
Pekan Bangar	31 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
Pekan Tutong	31 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
Kuala Belait	32 25 °C	32 24 °C	31 24 °C

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 22 NOVEMBER 2023

Lindungi, realisasikan hak semua kanak-kanak

KANAK-KANAK merupakan anugerah Allah yang sangat berharga daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara. Mereka adalah zuriat yang akan menjadi generasi, pewaris dan menjadi teraju kepada kesinambungan pembangunan dan kemajuan negara dan bangsa pada masa hadapan.

Secara global kanak-kanak juga dilihat sebagai anugerah yang sangat berharga yang akan mewarnai dunia dan membawa perubahan kepada pembangunan masa depan dunia iaitu perubahan yang akan membawa kepada kemakmuran sosial dan pertumbuhan ekonomi.

Sehubungan itu, Hari Kanak-kanak Sedunia yang diraikan pada 20 November setiap tahun adalah untuk memperingati 'United Nations Convention on the Rights of the Child', dengan setiap kanak-kanak mempunyai hak asasi yang harus dihormati dan dipelihara.

Tahun ini merupakan kali ke-17 Negara Brunei Darussalam (NBD) dan negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu meraikan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia (World Children's Day) dengan tema 'Inclusion, For Every Child' iaitu 'Penyertaan, Untuk Setiap Kanak-Kanak'.

Perkara tersebut antara dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia, Tahun 2023, baru-baru ini.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa tema sambutan memfokuskan ke arah penglibatan kanak-kanak agar mereka berpeluang melibatkan diri secara aktif dalam setiap aspek kehidupan mereka.

Di samping itu, ia juga menekankan keperluan untuk memastikan setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kelainan upaya, tanpa mengira latar belakang, kebolehan atau keadaan adalah diiktiraf, dihargai dan diberi peluang yang sama untuk berkembang maju.

Hari Kanak-kanak Sedunia juga merupakan platform untuk meningkatkan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi oleh ramai kanak-kanak, termasuk mereka yang menghadapi kesukaran dalam pelajaran, mereka yang berkelainan upaya, yang hidup dalam kemiskinan, yang terjerat dalam isu-isu sosial dan masalah keluarga.

Jelas Yang Berhormat lagi, semua agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), swasta, ibu bapa, guru dan masyarakat akar umbi memainkan peranan yang penting dalam melindungi dan merealisasikan hak yang sama bagi semua kanak-kanak dalam pendidikan, keselamatan dan kesihatan serta memastikan tidak ada kanak-kanak yang tercicir.

Sehubungan itu, sempena dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia pada tahun ini semua pihak adalah diseru untuk bertindak bersama-sama penggubal dasar, penguat kuasa, ibu bapa, guru-guru dan masyarakat untuk berusaha ke arah dunia yang lebih inklusif dengan hak setiap kanak-kanak diutamakan, dan mereka diberi peluang untuk mencapai potensi penuh.

Oleh itu, kita semua hendaklah memastikan anak-anak *kitani* hari ini dapat merayakan kepelbagaian budaya dan sosial kanak-kanak agar mereka dapat mengapai impian tinggi dan boleh mencapai potensi penuh mereka. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Berkenan menerima mengadap perwakilan WAGGGS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perwakilan daripada Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (World Association of Girl Guides dan Girl Scouts - WAGGGS). Berangkat sama anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (kiri).



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menerima mengadap perwakilan daripada Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (World Association of Girl Guides dan Girl Scouts - WAGGGS).

Berangkat sama, anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Rombongan WAGGGS disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik WAGGGS, Puan Chempaka Emalin Pahamin dan Ahli Lembaga Sedunia WAGGGS, Cik Sharrada Segeran.

Turut serta, Sukarelawan WAGGGS, Dato Jetadhvi

Subramaniam dan Honorary Secretary Malaysia, Associate Professor Dr. Janice.

Rombongan berada di negara ini bagi menghadiri acara Antarabangsa Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam yang berlangsung selama enam hari bermula esok.

Mengiringi rombongan, Timbalan Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Ali; Pesuruhjaya Antarabangsa, PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini; Datin Paduka Dayang Hajah Apsah binti Haji Abd Majid; dan Dr. Sophiana Chua Abdullah dari The ABC of Strategic Planning.

BANDAR SERI BEGAWAN, Anak Hajah Saleha binti Selasa, 21 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam petang tadi berkenan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa berkenan menerima mengadap perwakilan daripada Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (atas kanan, kiri, kiri sekali dan bawah).



ISTIADAT PENGISYTIHARAN KENAIKAN PANGKAT GELARAN DAN ISTIADAT MENGURNIAKAN TAULIAH MANTERI HULUBALANG



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyempurnakan Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyempurnakan Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di

Surau Istana Nurul Iman, di sini. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia didahului oleh dua orang Hulubalang, iaitu Hulubalang Diraja yang membawa Pemuras dan Karga, dan Hulubalang Asgar yang membawa Kelasak dan Kampilan serta diiringi oleh Alat-Alat Perhiasan Empat.

DYTM seterusnya dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji

Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Istiadat dimulakan dengan Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran kepada Juru Laki Awang Haji Johan Areffin bin Haji Hassan menjadi Ketua Juru Laki.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof mengadap dan menyembahkan ke hadapan

majlis DYTM bahawa Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran kepada Juru Laki Haji Johan Areffin bin Haji Hassan menjadi Ketua Juru Laki telah siap sedia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan kemudiannya menjunjung anugeraha balik ke tempat duduknya.

Sebaik sahaja DYTM menyabdakan supaya istiadat dimulakan, Awang-Awang masuk membawa Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran, diikuti dengan Surat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dibacakan oleh Begawan Mudim Awang Haji Mat Salleh bin Haji Damit.

Doa selamat seterusnya dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Antara tanggungjawab Ketua Juru Laki ialah mengatur dan mengawasi kesempurnaan naubat dan titirnya, termasuk gendang jaga-jaga diraja dan bertanggungjawab memerhatikan keadaan sesuatu istiadat yang bersangkutan dengan naubat dan gendang jaga-jaga diraja.

Majlis diikuti dengan Istiadat Tauliah Manteri Hulubalang kepada lima orang penerima.

Istiadat dimulakan dengan Istiadat Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Haji Roslan bin Haji Asmat menjadi Pateh.

Awang Haji Roslan masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Pengarah Awang Jaini bin Haji Mahmud serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

>> Muka 5



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bahawa Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran kepada Juru Laki Haji Johan Areffin bin Haji Hassan menjadi Ketua Juru Laki telah siap sedia (atas). Manakala gambar bawah kiri, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet turut hadir pada Majlis Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang. Sementara gambar bawah kanan, istiadat dimulakan dengan Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran kepada Juru Laki Awang Haji Johan Areffin bin Haji Hassan menjadi Ketua Juru Laki.



>> Muka 4

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Haji Roslan bin Haji Asmat menjadi Pateh telah siap sedia.

DYTM sekali lagi memperkenalkan untuk istiadat dimulakan.

Seterusnya, Hulubalang Asgar Awang Ahmad bin Haji Masri menjunjung anugeraha, dan diikuti dengan Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang,

seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Hulubalang Asgar Awang Ahmad kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Haji Roslan.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Matassan bin Haji Tahir.

Pateh Awang Haji Roslan menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Pengarah Awang Jaini, Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra serta Awang-Awang yang Membawa Gangsa Sireh, Tauliah

dan Kurnia Persalinan.

Antara tanggungjawab Pateh ialah mengawasi pasukan sinipit dan mengepalainya dan menjadi pembawa cangkah dalam sesuatu istiadat atau di dalam sesuatu pembarigaan.

Majlis diikuti dengan Istiadat Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Murni bin Majid menjadi Pengarah.

Awang Murni masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos bin Haji Kamis serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Murni menjadi Pengarah telah siap sedia dan seterusnya DYTM memperkenalkan untuk istiadat dimulakan.

Pengarah Awang Haji Kilali bin Haji Abd. Rahman kemudian menjunjung anugeraha, dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Tamin bin Haji Puting menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Pengarah Awang Haji Kilali kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima mengadap pada majlis berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Murni.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Ibrahim.

Pengarah Awang Murni bin Majid menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos, Begawan Mudim Awang Haji Tamin serta Awang-Awang yang Membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Antara tanggungjawab

Pengarah ialah menjadi penyambung lidah bagi menjunjung dan menyampaikan titah dan sabda kepada manteri dalam perkara yang berhubung dengan istiadat.

Majlis diikuti dengan Istiadat Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Halidin bin Bujeh menjadi Pengarah.

Awang Halidin masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Kaya Awang Haji Nordin bin Haji Arsad serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Halidin menjadi Pengarah telah siap sedia dan DYTM memperkenalkan untuk istiadat dimulakan.

Seterusnya, Pengarah Awang Haji Ibrahim @ Momin bin Haji Mohd. Yusof menjunjung anugeraha, dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Pengarah Awang Haji Ibrahim @ Momin kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Halidin.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.

Pengarah Awang Halidin menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Orang Kaya Kaya Awang Haji Nordin, Begawan Mudim Awang Haji Suhaili serta Awang-Awang yang Membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.



HULUBALANG Asgar Awang Ahmad bin Haji Masri menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Haji Roslan bin Haji Asmat (atas).



PENGARAH Awang Haji Kilali bin Haji Abd. Rahman menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Murni bin Majid (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Pengarah Awang Haji Ibrahim @ Momin bin Haji Mohd. Yusof menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Halidin bin Bujeh.



PENGARAH Awang Haji Kilali menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Nor'Ariffin bin Haji Tunjang (kiri). Manakala gambar kanan, Ketua Juru Laki Awang Haji Johan Areffen menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Haji Jaini bin Metarsad.



PARA jempunan menadahkan tangan semasa Doa Selamat dibacakan.

>> Muka 5

Pengarah juga berperanan menjadi pengawas kepada pemasangan alat perhiasan diraja untuk sesuatu istiadat.

Majlis seterusnya diikuti dengan Istiadat Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Nor'Ariffin bin Haji Tunjang menjadi Pengarah.

Awang Nor'Ariffin masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTMM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Nor'Ariffin menjadi Pengarah telah siap sedia dan DYTMM memperkenankan untuk istiadat dimulakan.

Seterusnya, Pengarah Awang Haji Kilali menjunjung anugeraha, dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Pengarah Awang Haji Kilali kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan



kiri seterusnya di atas kepala Awang Nor'Ariffin.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Pengarah Awang Nor'Ariffin menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Orang Kaya Kesuma Awang Haji Md. Yunos, Begawan Mudim Awang Haji Amran serta Awang-Awang yang Membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Pengarah juga berperanan mendengar perkurapat orang ramai mengenai hal ehwal negara terutama kesentosaan dan keselamatan negara serta membuat penyelidikan mengenai masalah berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada sultan sebagai nasihat.

Majlis kemudiannya diikuti

dengan Istiadat Tauliah Manteri Hulubalang kepada Awang Haji Jaini bin Metarsad menjadi Juru Laki.

Awang Haji Jaini masuk mengadap dengan diapit di sebelah kiri oleh Awang Sahrol bin Awang Ismail serta seorang Awang-Awang membawa Gangsa Sireh masuk mengadap dan duduk di tempat yang dikhaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTMM bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah kepada Awang Haji Jaini menjadi Pengarah telah siap sedia dan DYTMM memperkenankan untuk istiadat dimulakan.

Seterusnya, Ketua Juru Laki Awang Haji Johan Areffen bin Hassan menjunjung anugeraha,

dan diikuti oleh Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra menjunjung anugeraha serta dua orang Awang-Awang, seorang membawa Gangsa yang berisi Tauliah dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Ketua Juru Laki Awang Haji Johan Areffen kemudiannya menjunjung anugeraha lalu menapakkan Gangsa Sireh di bahu kanan dan kiri seterusnya di atas kepala Awang Haji Jaini.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Juru Laki Awang Haji Jaini menjunjung anugeraha dan keluar daripada majlis diikuti oleh Awang Sahrol, Begawan Mudim Awang Haji Ahmad Kasra serta Awang-Awang yang Membawa Gangsa Sireh, Tauliah dan Kurnia Persalinan.

Juru Laki bertanggungjawab menjadi pembantu kepada Ketua Juru Laki dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan naubat dan gendang jaga-jaga diraja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan seterusnya mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYTMM bahawa Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang telah sempurna dilaksanakan.

Istiadat diraja berkenaan sememangnya menggambarkan tradisi turun-temurun Melayu Diraja Brunei yang menunjukkan betapa halusnyanya budaya yang telah diwarisi. Ia memberikan gambaran yang jelas mengenai nilai-nilai budaya yang sangat menjunjung tinggi tradisi.



DOA Selamat masing-masing dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Matassan bin Haji Tahir (kiri sekali); Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Ibrahim (kiri); Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad (tengah); Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (kanan); dan Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (kanan sekali).



PARA jempunan yang menghadiri Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman (kiri dan atas).

SEPAKAT MENGURANGKAN KEMUNCULAN, PENYEBARAN KERINTANGAN ANTIMIKROB

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat Menteri-menteri, kuman secara umumnya boleh didapati pada manusia, haiwan, makanan, tumbuhan dan persekitaran (dalam air, tanah dan udara) dan boleh merebak dari manusia ke manusia ataupun antara manusia dan haiwan atau alam sekitar, termasuk dari sumber makanan berasal dari haiwan, serta boleh muncul dalam organisma yang berbeza.

Kerintangan Antimikrob pula jelas Yang Berhormat Menteri-menteri, merupakan fenomena semula jadi yang berlaku apabila kuman seperti bakteria, virus, parasit dan kulat tidak lagi bertindak balas terhadap ubat antimikrob.

Pemacu utama pertumbuhan kerintangan antimikrob ini tambah Yang Berhormat Menteri-menteri, adalah disebabkan oleh aktiviti manusia iaitu penyalahgunaan atau penggunaan berlebihan antimikrobial dalam manusia, haiwan dan tumbuhan yang mengakibatkan peningkatan risiko jangkitan sukar atau mustahil untuk dirawat, risiko penyebaran penyakit, risiko menghidap penyakit teruk dan kematian pada skala seluruh dunia.

Dalam perutusan bersama tersebut juga menyatakan, walaupun kerintangan antimikrob dirujuk sebagai pandemik 'senyap', namun hakikatnya penyebaran dan kesan kerintangan antimikrob kerap dirasakan dalam kesihatan manusia seperti pesakit yang paling terdedah (*vulnerable*) dan pekerja kesihatan.

Pada tahun 2019 ujar Yang Berhormat Menteri-menteri, data global menunjukkan hampir 5 juta kematian dikaitkan dengan kerintangan antimikrob, termasuk 1.27 juta kematian disebabkan secara langsung olehnya, yang mana anggaran ini melebihi kadar kematian global akibat penyakit lain seperti gabungan HIV dan malaria.

Yang Berhormat Menteri-menteri seterusnya menambah, Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali, kesan kerintangan antimikrob adalah realiti yang

dihadapi setiap hari di hospital dan komuniti di mana terdapat beberapa jangkitan yang menunjukkan ciri rintangan terhadap kebanyakan antibiotik yang lazim digunakan.

Dari sudut perubatan, mengambil kira pembangunan antimikrob baru yang tidak mencukupi dan jangkitan yang lebih mencabar menurut Yang Berhormat Menteri-menteri, kerintangan antimikrob merupakan halangan terbesar untuk menjalani rawatan dan prosedur perubatan yang kompleks serta merawat pesakit yang paling terdedah, seperti mereka yang menjalani rawatan kemoterapi, pemindahan organ, rawatan rapi dan rawatan jangkitan serius, dan kini difahami bahawa kerintangan antimikrob juga wujud di luar sektor kesihatan.

Yang Berhormat Menteri-menteri seterusnya menyeru agar semua pihak yang berkepentingan untuk membuat pendekatan kolaboratif bagi mengurangkan kemunculan dan penyebaran kerintangan antimikrob selanjutnya dengan mengenal pasti jurang di dalam sesebuah negara dan seterusnya menerapkan amalan terbaik dalam bidang berkaitan seperti kawalan jangkitan haiwan, tumbuhan dan manusia; pertanian dan pemrosesan makanan; air dan sanitasi; peraturan antimikrob dan yang paling penting, memupuk pendidikan dan kesedaran tentang kerintangan antimikrob.

Dalam menjayakan inisiatif ini, Yang Berhormat Menteri-menteri menjelaskan, pada tahun 2015, Pelan Tindakan Sejagat Pertubuhan Kesihatan Sedunia terhadap kerintangan antimikrob telah dilancarkan semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia 2015, sebagai komitmen politik peringkat tinggi oleh negara-negara untuk menangani kerintangan antimikrob.

Ini tambah Yang Berhormat Menteri-menteri, diikuti dengan pengesahan GAP oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) sebagai pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, dengan itu membentuk perkongsian



YANG Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyampaikan perutusan bersama sempena Sambutan Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia 2023.

Tiga Pihak (Tripartite alliance) yang penting untuk pendekatan Satu Kesihatan (One Health Approach) kepada AMR pada tahun 2016.

Pada tahun 2022 pula menurut Yang Berhormat Menteri-menteri, Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) yang mewakili sektor alam sekitar, menyertai sektor manusia, haiwan dan tumbuhan yang diwakili oleh WHO, WOH (Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia, sebelum ini dipanggil OIE dan FAO masing-masing, untuk membentuk pakatan Kuadripartit (Quadripartite) untuk meneruskan pendekatan One Health bukan sahaja bagi menangani kerintangan antimikrob, tetapi dengan matlamat yang lebih holistik iaitu untuk mengimbangi dan mengoptimalkan kesihatan manusia, haiwan, ekosistem dan persekitaran yang lebih luas secara mampan.

Dalam perutusan bersama tersebut turut menyatakan, NBD telah menyahut seruan sejagat ini untuk bertindak untuk menangani kerintangan antimikrob dengan pembentukan Jawatankuasa Antimicrobial Resistance Brunei Darussalam (BDAMRC) pada tahun 2018.

Jawatankuasa dengan pihak berkepentingan pelbagai sektor yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini terdiri daripada Kumpulan Kerja Teknikal sejajar

dengan Pelan Tindakan Sejagat (Global Action Plan - GAP) WHO terhadap kerintangan antimikrob.

Pada tahun 2019 pula menurut Yang Berhormat Menteri-menteri, NBD telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan (National Action Plan-NAP) BDAMRC terhadap kerintangan antimikrob di mana ia menggariskan inisiatif strategik utama yang diperlukan untuk memahami dan mengurus faktor risiko yang berkaitan dengan kerintangan antimikrob, dan untuk

membimbing keputusan dasar yang akan menyokong kepada pengurangan kesannya terhadap NBD merentasi sektor yang berkaitan.

Pada tahun ini ujar Yang Berhormat Menteri-menteri lagi, BDAMRC telah meraih langkah yang penting dan bermakna, di mana Kementerian Pembangunan telah secara rasmi menyertai BDAMRC selaku pelengkap penuh pihak berkepentingan bagi jawatankuasa ini.

■ **WALAU PUN** kerintangan antimikrob dirujuk sebagai pandemik 'senyap', namun hakikatnya penyebaran dan kesan kerintangan antimikrob kerap dirasakan dalam kesihatan manusia seperti pesakit yang paling terdedah (*vulnerable*) dan pekerja kesihatan.

■ **NEGARA** Brunei Darussalam tidak terkecuali, kesan kerintangan antimikrob adalah realiti yang dihadapi setiap hari di hospital dan komuniti di mana terdapat beberapa jangkitan yang menunjukkan ciri rintangan terhadap kebanyakan antibiotik yang lazim digunakan.

■ **KERINTANGAN** antimikrob merupakan halangan terbesar untuk menjalani rawatan dan prosedur perubatan yang kompleks serta merawat pesakit yang paling terdedah, seperti mereka yang menjalani rawatan kemoterapi, pemindahan organ, rawatan rapi dan rawatan jangkitan serius.

■ **PELAN** Tindakan Sejagat Pertubuhan Kesihatan Sedunia terhadap kerintangan antimikrob telah dilancarkan semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia 2015, sebagai komitmen politik peringkat tinggi oleh negara-negara untuk menangani kerintangan antimikrob.

Pikul tanggungjawab tangani kerintangan antimikrob

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Sambutan Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia (WAAW), yang disambut setiap tahun pada bulan November adalah kempen kesedaran sejagat utama untuk menangani kerintangan antimikrob.

Tahun ini telah menyaksikan *rebranding* nama kempen ini, daripada 'Minggu Kesedaran Antimikrob Sedunia' kepada 'Minggu Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia'.

Penambahan perkataan 'rintangan' ini adalah perubahan kecil tetapi sangat ketara yang menyampaikan perkaitan kerintangan antimikrob dan kepentingan meningkatkan kesedaran merentas sektor.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohamad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menyatakan perkara tersebut dalam kenyataan bersama sempena WAAW 2023.

Menurut Yang Berhormat Menteri-menteri, tema untuk WAAW 2023 diteruskan sebagai 'Bersama Dalam Mencegah Rintangan Antimikrob', dan selaras dengan ini dan pendekatan One Health, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah menganjurkan pelbagai aktiviti bersama melalui BDAMRC, di tahap skala yang menggalakkan daripada tahun-tahun sebelumnya dan ini termasuk penyertaan Kementerian Kesihatan dalam sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Ke-13

anjuran KSSUP pada 4 November 2023; Webinar bersama yang dibukakan kepada orang ramai; pelantikan 'Juara AMR' dari Kementerian Kesihatan dan KSSUP; dan kempen media sosial dan penampilan media massa oleh kedua-dua kementerian.

Di peringkat komuniti tambah Yang Berhormat Menteri-menteri, orang ramai dan mereka yang terlibat dalam mana-mana kapasiti dalam sektor yang berkaitan di NBD, boleh memainkan peranan mereka dalam memerangi kerintangan antimikrob melalui beberapa cara termasuk sebarang rawatan antimikrob yang diambil, untuk manusia atau haiwan, masing-masing hendaklah di bawah pengawasan doktor atau doktor haiwan, dan mengikut arahan yang diberikan.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat Menteri-menteri, elakkan menggunakan ubat

antimikrob apabila tiada jangkitan; dan apabila ragu-ragu tentang rawatan jangkitan, untuk bertanya soalan mengenainya.

Dalam perutusan bersama tersebut turut menyatakan, peranan orang ramai dengan kawalan dan pencegahan jangkitan dalam kedua-dua sektor kesihatan manusia dan haiwan termasuk mengelakkan atau hadkan keluar jika mempunyai simptom seperti selesema; mengamalkan kebersihan tangan yang kerap; memastikan kebersihan adalah keutamaan untuk penyediaan dan pengambilan makanan dan air; mendapatkan vaksinasi secara teratur untuk jangkitan tertentu, mengikut keadaan kesihatan masing-masing; dan mematuhi amalan terbaik untuk mengawal dan mencegah jangkitan dalam kesihatan manusia dan haiwan.

Yang Berhormat Menteri-menteri seterusnya menekankan, rintangan antimikrob adalah ancaman kesihatan dan pembangunan sejagat yang kompleks dan kritikal.

Tindak balas pelbagai sektor menurut Yang Berhormat Menteri-menteri, yang tepat pada masanya, berterusan, dengan cara kolaboratif dan selaras adalah penting dan NBD telah menyahut cabaran ini dengan menunjukkan komitmen peringkat tinggi dan melalui One Health Approach.

Yang Berhormat Menteri-menteri seterusnya menyaran agar orang ramai untuk sama-sama memikul tanggungjawab ini dalam melaksanakan peranan masing-masing bagi memelihara keberkesanan antimikrob kita sebagai satu langkah besar ke arah menjamin masa depan yang sihat dan mampan untuk kita semua.

PUPUK NILAI KERJASAMA DEMI PEMBANGUNAN BERSAMA



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir pada majlis resepsi bagi meraikan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Kesultanan Oman dan Hari Kebangsaan Oman Ke-53 dan seterusnya pemotongan kek bersempena Hari Kebangsaan Kesultanan Oman bersama Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD beserta duta-duta dari negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) (kanan dan kiri).

>> Muka 1

"Pertukaran budaya menjadi aspek penting dalam hubungan kedua negara, dengan penyertaan tetap dalam pameran buku dan program berorientasikan bahasa Arab. Kedua negara berusaha untuk memperdalam persefahaman melalui biasiswa dan menjemput pelajar untuk meneroka warisan Oman yang kaya," jelas Puan Yang Terutama.

Dalam ucapannya juga, PYT menyentuh mengenai kerjasama yang dilaksanakan di antara kedua-dua buah negara, antaranya kerjasama ekonomi yang bertambah

baik meliputi pelbagai sektor seperti minyak, gas, kewangan, dan pertanian.

Penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Brunei - Oman pada tahun 2009 katanya, memainkan peranan penting dalam memacu kerjasama ekonomi, menghasilkan usaha sama yang berjaya.

Selain itu, kemajuan dalam sektor tenaga dan pertahanan tambahannya adalah stabil, dengan para profesional bertukar kepakaran dan angkatan tentera terlibat dalam kursus dan program pertahanan.

"Aspirasi kami melangkaui politik, menyentuh bidang utama seperti

industri, pelancongan, teknologi dan alam sekitar,

"Kita juga menyaksikan kejayaan Mesyuarat Dua Hala Ke-21 antara kedua-dua Kementerian Hal Ehwal Luar Negara baru-baru ini, dengan perjanjian kukuh untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala dalam pelbagai bidang," ujarnya lagi.

Justeru pencapaian tersebut terangnya, adalah bukti kepada kepimpinan cemerlang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengakhiri ucapan, PYT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Brunei Darussalam di atas sokongan dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi, dengan keyakinan berharap dapat menyaksikan pertumbuhan berterusan dan hubungan mesra serta memupuk pembangunan dan kejayaan bagi kedua-dua negara.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan pemotongan kek bersempena Hari Kebangsaan

Kesultanan Oman oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Muhammad Juanda, PYT Erma Said Mohamed Samhan Al Kathiry berserta duta-duta dari negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) serta penyampaian tanda penghargaan daripada PYT kepada Menteri Pembangunan.

Acara juga turut diserikan dengan beberapa tayangan filem dokumentari seperti 'SEZAD at port of Duqun', 'Omani Across Age Museum', 'Omani Halwa' dan 'Omani Frankincense'.

MINDA PEMBACA

Menghargai makna keamanan

KEAMANAN, atau dalam kata lain, keselamatan, boleh meliputi pelbagai aspek. Erti keamanan tidak hanya terhad kepada keselamatan diri sendiri tetapi termasuk keharmonian masyarakat dan negara. Sebagai individu yang dilahirkan dan dibesarkan di dalam sebuah komuniti, kita diharapkan untuk memanfaatkan norma dan nilai yang dipelajari dari institusi-institusi berkaitan, seperti keluarga, ibu bapa, dan sekolah. Sebagai contoh, penting bagi ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan kasih sayang dan bukannya dengan kekerasan. Ibu bapa juga bertanggungjawab mengajar anak-anak mereka apa yang patut dan tidak patut

mereka lakukan dengan menggunakan sistem ganjaran dan hukuman. Dengan cara ini, ia boleh melindungi mereka daripada mengerjakan perkara yang tidak bermanfaat atau perkara yang boleh merosakkan keamanan dan keharmonian masyarakat di masa hadapan. Contoh yang lain adalah peranan sekolah dalam mengajar individu untuk menjadi seorang yang berpendidikan, berfikiran luas, bertauliah dan juga memahami pandangan berbeza. Contohnya, pelajaran Melayu Islam Beraja mendidik individu mengenai sejarah dan identiti Brunei, manakala pelajaran Sociology mendidik individu untuk memahami bagaimana sebuah

masyarakat berfungsi dan menganalisis isu seperti *racism* dan *sexism*. Selanjutnya, Wawasan Brunei 2035 memperkenalkan matlamat-matlamat yang perlu dicapai, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti kehidupan yang tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Matlamat-matlamat ini boleh menjamin keamanan negara Brunei Darussalam di mana masyarakat hidup dalam aman damai. Oleh kerana itu, semua warganegara perlu bersatu padu dan berpersefahaman untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035. Masyarakat yang bersatu juga menunjukkan keharmonian komuniti dan erti keamanan negara. Tanpa kerja

berpasukan dan persetujuan, masyarakat boleh menjadi huru-hara. Contohnya, walaupun kerajaan ingin melaksanakan undang-undang ketat mengenai kawalan senjata api, *mass shooting* di Amerika Syarikat masih berleluasa disebabkan oleh perselisihan faham antara pihak yang berbeza. Ini menunjukkan betapa pentingnya bagi sebuah komuniti dan masyarakat untuk bekerjasama. Oleh itu, kita mestilah menghargai makna keamanan kerana ia bukanlah senang untuk dicapai dan dikekalkan.

Nama : Nurul Liyana Adriana binti Alidin
No. K/P : 01-127XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pantau Kualiti, Keselamatan Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 22 November 2023
2. 'Pertahankan Sejarah Warisan Negara'. Tarikh Tutup : 29 November 2023
3. 'Persiapan Belia Hadapi Cabaran Pekerjaan'. Tarikh Tutup : 6 Disember 2023

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

92 PELAJAR DIRAIKAN PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN



KETUA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat bagi meraikan 92 pelajar Ma'had Islam Brunei yang menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran (atas). Manakala gambar atas kanan, tetamu kehormat merenjisikan wangian kepada para peserta Khatam Al-Quran. Sementara gambar bawah kanan, antara pelajar yang diraikan pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 21 November. - Ma'had Islam Brunei pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 92 pelajar terdiri daripada 43 pelajar lelaki dan 49 pelajar perempuan yang berjaya mengkhataamkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Majlis yang diadakan di Dewan Besar sekolah berkenaan dihadiri oleh Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Yang Arif Awang Haji Muhammad Bahrin bin

Haji Alias selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Atur cara diteruskan dengan bacaan Takhtim oleh pelajar lelaki Sanah 10 dan bacaan Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Mohammad Qarl Darwisy Haqieze bin Wadi.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh

para pelajar lelaki Sanah 10, dan diakhiri dengan penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu kehormat majlis kepada para peserta khatam.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mohammad Alif Waliuddin bin Abdullah Mohammad Azri.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, beriman, beramal dan bertakwa.



Kukuhkan kapasiti, kompetensi pemimpin sekolah



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Mini Konvensyen Pemimpin Sekolah 2023 (atas). Manakala gambar atas kiri, tetamu kehormat majlis menyampaikan buku dan poster 'Ministry of Education Strategic Plan 2023-2027' kepada salah seorang penerima.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Selasa, 21 November. - Dalam menyediakan para pelajar siap siaga masa depan (*future ready*), semua pihak perlu melangkaui pengetahuan akademik tradisional kerana ia akan melibatkan pembangunan pelbagai kemahiran dan kualiti antaranya pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kebolehsuaian, kreativiti, komunikasi dan kerjasama.

Dalam hubungan itu, para pemimpin sekolah dan guru-guru berada di barisan hadapan dalam perjalanan transformatif berkenaan dan pengaruh para

pemimpin dan guru juga memainkan peranan penting dalam membentuk kurikulum, budaya dan kesediaan sekolah masing-masing.

Berucap pada Mini Konvensyen Pemimpin Sekolah 2023 yang berlangsung di Dewan Persidangan Bridex, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin menjelaskan, keperluan untuk pendekatan holistik dan antara disiplin terhadap pendidikan sentiasa menjadi kritikal.

Justeru tambahnya, Kementerian

Pendidikan mengiktiraf pendidikan STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni, dan Matematik) sebagai teras kepada usaha berkenaan.

"Oleh itu, integrasi pendidikan STEAM bukan sekadar pilihan malah ia adalah satu keperluan.

"Pendidikan STEAM melangkaui batasan tradisional 'silos', ia memupuk persekitaran pembelajaran yang dinamik dengan pelajar digalakkan untuk berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah secara kreatif dan bekerjasama dengan lancar," tambahnya.

Menurut Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati lagi,

penyepaduan aktif STEAM ke dalam kurikulum membolehkan pelajar membangunkan kemahiran pelbagai rupa untuk menerima pemikiran di luar kotak dan inovasi yang penting untuk menjadi warga global yang bersedia untuk masa hadapan.

Sejak dimulakan buat kali pertama lima tahun lalu ujarnya, Konvensyen Pemimpin Sekolah berkenaan setakat ini menghasilkan Buku Panduan Rangka Kerja Piawai dan Kecekapan Kepimpinan Sekolah Brunei Darussalam dan latihannya; Rangka Kerja Sokongan Pembelajaran; Rangka Kerja Campuran Pembelajaran; Garis Panduan Kewarganegaraan Digital

dan Garis Panduan Penilaian.

"Untuk menuju ke hadapan, kita tahu bahawa jalan yang akan datang menuntut komitmen yang lebih besar terhadap inovasi, kebolehsuaian dan kemampunan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan melancarkan Pelan Strategik baharunya 2023 - 2027 memfokuskan kepada tiga domain utama, iaitu memupuk pelajar siap siaga masa depan; meningkatkan ekosistem pendidikan yang inovatif; dan membina sumber manusia kita," jelas Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati lagi.

Menulis Nama Atau Ayat Al-Qur'an Di Batu Nisan

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MELETAKKAN batu nisan di atas perkuburan hukumnya adalah sunat. Sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat untuk meletakkan batu nisan di atas kubur ahli keluarga yang telah meninggal dunia sebagai penanda atau pengenalan bagi si mati. Batu nisan tersebut ada yang ditulis padanya nama, tarikh lahir dan tarikh kematian si mati. Selain nisan, tulisan tersebut juga adakalanya dibuat pada tambak kubur atau plak (papan tanda). Bahkan kadang-kadang selain pengenalan si mati, disertakan pula dengan ayat-ayat al-Qur'an seperti *basmalah*, surah al-Fatihah dan kalimat *istirja'* (إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ). Maka Irsyad Hukum kali ini akan menghuraikan mengenai hukum menulis nama si mati serta hukum menulis ayat al-Qur'an di batu nisan.

Menulis Sesuatu Di Batu Nisan

Perbuatan menulis sesuatu di batu nisan secara mutlak adalah salah satu daripada perkara-perkara yang dilarang untuk dilakukan sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada Jabir Radhiallahu 'anhu, katanya:

Maksudnya: Rasulullah Shallallahu

'alaihi wasallam melarang dari mengapur kubur, menulis padanya, membuat binaan di atasnya dan duduk di atasnya.

(Hadits riwayat al-Hakim)

Imam an-Nawawi Rahimahullah menjelaskan dalam kitabnya Minhaj ath-Thalibin bahawa hukum menulis sesuatu di atas kubur adalah makruh sebagaimana katanya:

Ertinya: Makruh mengapur kubur, membuat binaan (di atas kubur) dan menulis di atasnya.

Para ulama seperti Imam Ibn Hajar al-Haitaimi, Imam ar-Ramli dan asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahumullah menjelaskan maksud perkataan "menulis di atasnya (kubur)" ialah seperti menulis nama si mati atau selainnya dan termasuk menulis ayat-ayat al-Qur'an sama ada tulisan itu pada papan yang diletakkan pada bahagian kepala mayat atau pada selainnya.

Maka jelas bahawa hukum menulis sesuatu di atas batu nisan atau selainnya secara mutlak atau tanpa sebab adalah makruh.

Menulis Nama Di Batu Nisan Kerana Hajat

Menulis sesuatu di batu nisan itu dihukumkan makruh jika tidak ada apa-apa keperluan padanya. Jika penulisan nama itu ada keperluan padanya seperti bertujuan untuk pengenalan kubur si mati bagi keperluan orang yang menziarahinya maka tidak makruh hukumnya bahkan

sunat dengan syarat tulisan itu sekadar yang diperlukan sahaja, lebih-lebih lagi pada kubur para wali, para ulama dan orang-orang salih. Tanpa tulisan tersebut kubur mereka tidak akan diketahui setelah berlalu tempoh yang lama.


Menulis Ayat Al-Qur'an Di Batu Nisan

Hukum menulis ayat-ayat al-Qur'an di batu nisan adalah makruh sebagaimana yang disebut oleh asy-Syaikh al-Bujairimi Rahimahullah. Beliau menyebut:

Ertinya: Dan dihukumkan makruh menulis di atasnya iaitu di atas kubur sekalipun (menulis) ayat al-Qur'an.

Begitu juga makruh menulis ayat-ayat al-Qur'an pada papan yang diletakkan di atas kubur pada bahagian kepala mayat ataupun pada selainnya selagi ia tidak terdedah kepada penghinaan seperti dipijak atau terkena najis. Jika ia terdedah kepada penghinaan, maka hukumnya adalah haram.

Oleh itu, adalah lebih baik ditinggalkan menulis ayat al-Qur'an di atas kubur terutama sekali di kubur *musabbalah* (tanah bagi perkuburan awam) kerana kesukaran memelihara kesucian ayat



IRSYAD HUKUM
 جاتن مفي كراجان
 جاتن فزان مزي كراوان بالسلام
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

al-Qur'an tersebut daripada dicemari najis, kotoran serta perbuatan-perbuatan yang menghinakannya seperti dilangkahi, diduduki dan sebagainya. Tambahan pula, tidak ada keperluan untuk menulis ayat-ayat tersebut pada kubur seseorang kerana ayat-ayat berkenaan tidak diperlukan untuk dijadikan sebagai penanda atau pengenalan bagi si mati.

Demikian penjelasan mengenai hukum menulis nama si mati atau ayat-ayat al-Qur'an di batu nisan.

MENULIS sesuatu di batu nisan itu dihukumkan makruh jika tidak ada apa-apa keperluan padanya.

Berus cat diperbuat daripada bulu khinzir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 November.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syar'iah (JHES) mengadakan pemeriksaan terhadap berus cat berjenama Goldliner 850 bagi semua saiz yang dijual di premis-premis perniagaan di negara ini dan seterusnya dihantar untuk dianalisis.

Hasil analisa oleh Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa berus berkenaan disahkan diperbuat daripada bulu khinzir.

Berikutan dengan dapatan berkenaan dan bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES mengarahkan kepada pemilik dan pengurus premis-premis perniagaan supaya mengasingkan semua berus berkenaan dengan serta merta daripada penjualan kepada orang awam.

Dalam pada itu juga, para pengguna beragama Islam di negara ini adalah dinasihatkan untuk tidak membeli dan menggunakan berus berkenaan.

KHEU juga ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk dan barang gunaan di negara ini agar sentiasa berhati-hati dan lebih peka terhadap produk-produk dan barang gunaan import yang akan dijual kepada orang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dengan memastikan semua produk adalah halal dan suci serta tidak bercampur dengan produk-produk yang tidak halal dan meragukan.

Di samping itu, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat berhubung perkara berkenaan.

Bagi yang ingin membuat

aduan serta perkongsian maklumat mengenai penggunaan atau penjualan produk-produk tidak halal dan meragukan di tempat-tempat perniagaan, bolehlah dibuat terus ke JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal dengan menghubungi talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.



PEMERIKSAAN berus cat berjenama Goldliner 850 bagi semua saiz yang dijual di premis-premis perniagaan di negara ini didapati bahawa berus berkenaan disahkan diperbuat daripada bulu khinzir.

Kukuhkan kapasiti, kompetensi pemimpin sekolah

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

>> Muka 9

Pada Mini Konvensyen berkenaan, seramai 487 peserta dan para jemputan hadir terdiri daripada para pemimpin sekolah rendah dan menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam kerajaan dan swasta Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis turut mendengarkan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi Mini Konvensyen Pemimpin Sekolah 2023.

Majlis juga turut menyaksikan penyampaian buku dan poster 'Ministry of Education Strategic Plan 2023-2027' yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada ketua-ketua kluster dan perwakilan daripada Majlis Pemimpin Sekolah Brunei Darussalam.

Dengan tema 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti', Mini Konvensyen berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan kesepaduan sistemik (*systemic coherence*) di Kementerian Pendidikan melalui penglibatan dan sokongan yang kukuh dan mampan daripada semua pihak yang berkepentingan.

Objektif utama bagi Mini Konvensyen berkenaan adalah untuk mengukuhkan kapasiti dan kompetensi kepimpinan para pemimpin sekolah. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti bersama semua pihak berkepentingan khususnya jabatan-jabatan dan sekolah-sekolah dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, subtema untuk Mini Konvensyen kali ini ialah 'STEAM Education and Skills'.

Mini Konvensyen Pemimpin Sekolah 2023 diisikan dengan pembentangan 'Socialization of the Ministry of Education Strategic Plan 2023-2027' dan 'Pre-workshop : Rubrics of STEAM Competencies', diikuti dengan 'Presentations Current and Future Initiatives' daripada ketua-ketua jabatan, Kementerian Pendidikan dan diakhiri dengan sesi rumusan *pre-workshop*.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua kluster Kementerian Pendidikan.



>> Muka 1

Bengkel ini dijalankan selaras dengan Pelan Kerja Kerjasama ASEAN Mengenai Perkara Perkhidmatan Awam (ACCSM) 2021-2025, dengan memenuhi bidang-bidang keutamaan iaitu pertama, meningkatkan kecekapan dan standard tenaga kerja dalam sektor awam; kedua, membina institusi kapasiti dan penyelarasan antara agensi; ketiga, kepimpinan transformatif dan kelima, pembaharuan dan pemodenan sektor awam.

Adapun tujuan bengkel tersebut diadakan untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan penting yang berkisar pada analisis tenaga kerja yang tepat dan tepat

pada masanya yang boleh membantu pasukan Sumber Manusia (HR) bertindak balas dengan cepat terhadap keperluan sumber yang berubah seiring dengan perkembangan dasar kerajaan.

Seterusnya, bersaing secara berkesan dengan sektor swasta untuk bakat terbaik, bersedia untuk keperluan masa depan dengan meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula pekerja sedia ada serta mencapai gabungan belia dan pengalaman yang betul untuk memastikan kestabilan jangka panjang.

Selain itu, ia juga untuk membantu jabatan kerajaan menjadi lebih telus dan menunjukkan kepada orang ramai

Tingkatkan pengetahuan mengenai analisis Tenaga Kerja

KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta (kiri). Manakala gambar atas, sebahagian yang menyertai bengkel tersebut.

bagaimana tenaga kerja mereka menyampaikan nilai untuk wang melalui analisis.

Sepanjang program ini, para peserta akan didedahkan kepada perancangan dan analisis tenaga kerja dan bagaimana kesannya terhadap perancangan dan pengurusan sumber manusia.

Sesi perkongsian dalam kalangan peserta akan menambah nilai kepada bengkel ini yang diharapkan dapat berkongsi langkah-langkah dan peristiwa penting dalam perjalanan setiap orang ke perancangan dan analisis tenaga kerja.

Bengkel ini akan menawarkan pengetahuan asas untuk mengukur, menjejak dan menganalisis jurang tenaga kerja untuk mengenal pasti intervensi. Contoh dan kajian kes untuk

■ Siaran Akhbar dan Foto : Institut Perkhidmatan Awam



kejayaan analisis tenaga kerja akan meningkatkan lagi pemahaman tentang perkara subjek dan boleh membantu pasukan HR memulakan perjalanan analitik tenaga kerja.

Beberapa agensi kerajaan menyokong bengkel tersebut iaitu Pejabat Wawasan Brunei, Manpower Planning and Employment Council (MPEC), JPA, IPA dan Kementerian Pendidikan.

PROJEK BAKAT KETENGAHKAN POTENSI MURID BERKEPERLUAN KHAS



■ Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3 dapat merealisasikan satu projek yang mengetengahkan dan mengapresiasi bakat seorang murid berkeperluan khas menerusi projek BAKAT yang turut diadakan bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, 2023.

Projek BAKAT (singkatan daripada Bimbing, Asuh, Kasihi, Anak Teristimewa) ini ialah cetus hasil pemikiran daripada seorang guru Special Educational Needs

(SEN) di Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3 yang dapat melihat dan memahami kemampuan seorang murid berkeperluan khas di bawah didikannya.

Mohammad Bazil Wazien bin Indra Erwan Shah, murid berkeperluan khas Tahun 4 di Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3 ini mempunyai potensi dan bakat dalam melukis serta mewarna.

Dalam Projek BAKAT ini, kemampuan dan bakat Mohammad Bazil Wazien berjaya diketengahkan menerusi penglibatannya dalam menghasilkan lukisan dinding

MAJLIS Penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya di antara DBP selaku penerbit buku dengan Mohammad Bazil Wazien selaku pengkarya.

Doodle dan buku mewarna. Hasil kedua-duanya ini dapat dilihat menerusi Lukisan Dinding Doodle BAKAT Wazien dan penerbitan Buku Mewarna BAKAT Wazien.

Majlis Perasmian Projek BAKAT diadakan kelmarin di Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3.

Majlis juga diisikan dengan ucapan alu-aluan daripada Mantan Guru Besar Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3, Dayang Aji binti Haji Ahmad.

Majlis diselenggarakan dengan Penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya antara DBP selaku penerbit buku dengan Mohammad Bazil Wazien selaku pengkarya; Pelancaran Buku Mewarna BAKAT Wazien; Pelancaran Lukisan Doodle BAKAT Wazien; dan Pertandingan Mewarna Lukisan Buku Mewarna BAKAT Wazien sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, 2023.

Dengan adanya pelaksanaan projek ini akan menjadi salah satu platform dalam menyuntik semangat dan meningkatkan

Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



SUASANA Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia anjuran DBP dengan Sekolah Rendah Rimba 1

keyakinan diri khususnya murid menyerlahkan kemampuan dan berkeperluan khas dalam bakat mereka.

GALAKKAN MEMPELAJARI HIMPUNAN ZIKIR, SELAWAT

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 November. - Pertandingan Qiraat Zikir dan Selawat Sekolah Rendah dan Menengah Senegara dan Pertandingan Dikir Syarafil Anam Sekolah Rendah Senegara antara lain diadakan bagi tujuan memberikan pendedahan, bimbingan serta menggalakkan pelajar untuk mempelajari himpunan zikir dan selawat dengan pelbagai alunan melodi atau lagu. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah mengadakan Peringkat Akhir Pertandingan Qiraat Zikir dan Selawat Sekolah Rendah dan Menengah Senegara dan Pertandingan Dikir Syarafil Anam Sekolah Rendah Senegara bagi

Tahun 1445H / 2023M di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Airport Lama, di sini. Pertandingan Peringkat Akhir Qiraat Zikir dan Selawat telah disertai oleh sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan dan swasta di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebanyak empat buah pasukan dalam Kategori Lelaki (Berzikir) bagi bahagian menengah dan rendah; dan empat buah pasukan dalam Kategori Perempuan (berselawat) bagi bahagian menengah dan rendah telah bertanding pada peringkat akhir itu. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para

pemenang ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat. Bagi Kategori Sekolah Rendah Lelaki (Berzikir), johan dimenangi oleh Pasukan Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar; diikuti dengan naib johan yang disandang oleh Pasukan Sekolah Arab Belait; dan Pasukan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanul Bolkiah di tempat ketiga. Manakala bagi Kategori Sekolah Rendah Perempuan (Berselawat), tempat pertama telah dimenangi oleh Pasukan Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar, diikuti dengan Pasukan Sekolah Sinaran Mas Kumpulan 1 di tempat kedua, dan Pasukan Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof Katimahar Kumpulan 2 di tempat ketiga. Kategori Sekolah Menengah Lelaki (Berzikir) pula, johan dimenangi oleh Sekolah Menengah Sayyidina Othman Kumpulan 2, diikuti naib johan yang disandang oleh Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, dan Sekolah Menengah Sayyidina Husain di tempat ketiga. Manakala, dalam Kategori Sekolah Menengah Perempuan (Berselawat), Sekolah Menengah Sayyidina Husain dinobatkan sebagai johan, disusuli dengan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa di tempat kedua, dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Kumpulan 2. Sementara itu, Pertandingan Dikir Syarafil Anam disertai oleh



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat bergambar ramai bersama Pasukan Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar, johan bagi Kategori Sekolah Rendah Lelaki (Berzikir) (atas). Manakala gambar bawah kiri, sebahagian daripada pelajar sekolah yang menyertai pertandingan tersebut.



sekolah-sekolah rendah di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebanyak lapan pasukan bertanding pada peringkat akhir ini, iaitu empat pasukan bagi Kategori Lelaki dan empat pasukan bagi Kategori Perempuan. Bagi Kategori Lelaki, tempat pertama telah dimenangi oleh Pasukan Sekolah Rendah Katok 'B', diikuti dengan Pasukan Sekolah Kesuma Mekar di tempat kedua dan Pasukan Sekolah Rendah AHMY Katimahar di tempat ketiga. Manakala bagi Kategori Perempuan, tempat pertama telah dimenangi oleh Pasukan Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, diikuti dengan Pasukan

Sekolah Rendah Sungai Siamas di tempat kedua dan Pasukan Sekolah Rendah Beribi Telanai di tempat ketiga. Pertandingan-pertandingan tersebut juga merupakan wadah bagi pelajar untuk mencungkil serta mengembangkan bakat yang sedia ada, bekerjasama dalam satu pasukan dan mendidik para pelajar untuk berani tampil di hadapan khalayak ramai. Pertandingan ini juga diharap sebagai pemangkin bagi mendekati diri pelajar supaya mengamalkan zikir dan selawat ke atas Nabi Junjungan kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan harian dan sebagai langkah melahirkan bakal penggerak Negara Zikir.

Beri penghormatan, pengiktirafan kepada kanak-kanak



PEMANGKU Ketua Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2023 dan seterusnya bergambar ramai pada majlis berkenaan (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 November. - Perkhidmatan Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha baru-baru ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2023 di Bilik Seminar, Tingkat 2, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini. Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Pemangku Ketua Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad, yang seterusnya merasmikan majlis sambutan tersebut. Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat bagi kanak-kanak amnya dan juga khusus bagi kanak-kanak di Palestin oleh Guru Ugama Hospital RIPAS, Awang Muhd. Khaironnisa bin Haji Jinen. Kemudian, majlis diikuti dengan ucapan kata alu-aluan daripada Timbalan Ketua Divisyen Kejururawatan Perkhidmatan Pediatrik, Hospital RIPAS, Dayang Sofiah binti Marup, dan diteruskan dengan perasmian dan pengagihan cenderahati oleh tetamu kehormat majlis kepada jururawat-jururawat in-caj di Perkhidmatan Pediatrik. Cenderahati tersebut diberikan kepada pesakit-pesakit di Klinik Pediatrik; Unit Rawatan Rapi Anak Damit (NICU); Unit Rawatan Khas Anak Damit (SCBU); Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU); Unit High Dependency

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan
Pediatrik 1 & 2 (HDU 1 & 2); Unit Pediatrik Akut (APU); Wad 26 dan 27; dan Wad 28 dan 29. Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia ini bertujuan untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada kanak-kanak bagi mencetuskan kesedaran bahawa pekerja penjagaan kesihatan dan masyarakat amnya mempunyai tanggungjawab dalam menentukan perlindungan, kebajikan, kesejahteraan serta hak-hak kanak-kanak terpelihara. Turut hadir pada majlis ini ialah pegawai-pegawai kanan, doktor perubatan, jururawat dan kakitangan Hospital RIPAS.



Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

PPPBD TERIMA SUMBANGAN BND20,000 DARIPADA YSHHB



SUMBANGAN daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah disampaikan oleh Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman selaku Pemangku Pengarah Urusan dan Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, dan menerima bagi pihak PPPBD ialah Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Abdullah.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 21 November. - Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Sehubungan itu, YSHHB telah menyampaikan sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND20,000 kepada sebuah badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPBD) bagi mengendalikannya Acara Antarabangsa - Share, Learn, Grow (SLG).

Sumbangan daripada YSHHB disampaikan oleh Awang Ahmad


Jefri bin Abdul Rahman selaku Pemangku Pengarah Urusan dan Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, dan menerima bagi pihak PPPBD ialah Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Abdullah.

Acara SLG akan diadakan pada 22 November 2023 sehingga 26 November 2023 dan disertai lebih 200 orang Pandu Puteri daripada beberapa buah negara.

Berbagai-bagai acara telah disediakan oleh PPPBD selaku tuan rumah sepanjang acara tersebut berlangsung seperti forum, aktiviti lawatan dan riadah, penanaman pokok dan sebagainya.

Sumbangan tersebut merupakan sokongan YSHHB untuk mendukung salah satu objektif penubuhannya iaitu bagi mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat melalui penganjuran program-program pembangunan kemasyarakatan dan sosiobudaya.

Nyalaan lampu biru tanda sokong Hari Kanak-kanak Sedunia



NYALAAAN lampu berwarna biru di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sempena Hari Kanak-kanak Sedunia.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) dinyalakan dengan warna biru sempena menyokong Hari Kanak-kanak Sedunia dan juga dengan warna hijau, merah dan putih sebagai lambang keprihatinan bagi mengenang nasib kanak-kanak di Palestin.

Nyalaan lampu tersebut bermula jam 7.00 malam hari ini, Isnin, 20 November 2023 hingga Rabu, 22 November 2023.

Penyalan lampu di Jambatan SHOAS adalah untuk meraikan dan memperingati

Hari Kanak-kanak Sedunia yang disambut pada setiap 20 November sebagai usaha berterusan ke arah komitmen Negara Brunei Darussalam dalam meratifikasi Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Convention on the Rights of the Children - CRC) dengan temanya pada tahun ini 'Penyertaan, untuk Setiap Kanak-kanak'.

Warna biru melambangkan Hari Kanak-kanak Sedunia bersempena warna rasmi

United Nations Children's Fund (UNICEF), manakala warna hijau, merah dan putih dipilih sebagai lambang keprihatinan rakyat dan penduduk di negara ini terhadap penderitaan rakyat Palestin khususnya bagi mengenang nasib kanak-kanak yang telah terkorban dan kehilangan keluarga tersayang di samping menunjukkan solidariti kepada rakyat Palestin.

Orang ramai adalah dijemput untuk mengambil gambar jambatan-jambatan dan memuat naik ke dalam media sosial dengan menggunakan hashtag #WCD2023 atau #WorldChildrensDay.

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAN ALLAH كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

PENGERTIAN ar-riba pada asalnya adalah bertambah. Yang dimaksudkan dengan bertambah ialah bertambahnya benda itu sendiri atau bertambah dengan yang lain, seperti satu dirham bertambah menjadi dua dirham. Malahan setiap jual beli yang haram digolongkan sebagai riba.

Riba adalah satu jenayah kemasyarakatan dan keagamaan yang merbahaya. Siapa yang melakukannya mendapat dosa besar dan disiksa dengan api neraka. Tidak kira sama ada sedikit atau banyak hukumnya tetap haram. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 275 yang mafhumnya :

"(Padahal) Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Jika sesiapa yang telah sampai kepadanya pengajaran (peringatan tentang haramnya memakan riba) daripada Tuhannya lalu dia berhenti maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) menjadi haknya dan mengenai urusannya terserah kepada Allah. Dan sesiapa yang kembali (memakan

Pemakan riba dilaknat, berdosa

riba selepas mengetahui hukumnya) maka mereka itu ialah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya".

Ada beberapa pendapat para ulama fiqh dalam syari'at Islam mengenai definisi riba iaitu :

- Riba menurut syarak ialah 'aqad (janji) yang diikat mengenai pertukaran yang tertentu yang tidak diketahui nilai persamaan dalam ukuran syarak.

- Riba ialah sesuatu yang bertambah di atas modal sama ada sedikit atau banyak.

- Riba juga satu tambahan yang diambil oleh pemiutang dari orang yang berhutang sebagai bayaran tangguhan masa.

Antara penegeasan tentang pengharaman riba itu ialah :

- Pemakan riba akan dihina di hadapan seluruh makhluk ketika dibangkitkan dari kubur dalam keadaan yang amat hina dan bagaikan orang kesurupan dan gila.

- Ancaman orang yang melakukan riba yang tahu akan hukum haramnya riba itu dalam syari'at Islam akan dimasukkan ke neraka, malah akan kekal di dalamnya.

- Allah Subhanahu Wata'ala menyifatkan pemakan riba itu sebagai orang yang sentiasa berbuat kekafiran, ingkar dan selalu

berbuat dosa. Ibnu katsir di dalam kitab tafsirnya Tafsir al-Qur'an al-Azhim (1/330) ada menyebutkan : Sesungguhnya pemakan riba tidak rela dengan pemberian Allah untuknya berupa rezeki yang halal, dan merasa tidak cukup dengan syarat Allah yang telah membolehkan untuknya berbagai cara untuk mencari penghasilan (rezeki) yang halal. Oleh kerana itu, ia berusaha untuk mengambil harta orang lain dengan cara bathil, iaitu dengan berbagai cara yang buruk (riba). Dengan itu sikapnya merupakan satu penegekan terhadap berbagai kenikmatan (nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala), dan amat zalim lagi berdosa yang sentiasa memakan harta orang lain dengan cara-cara bathil.

Imam Ibnu Qayyim Rahimahullah berkata, Allah Subhanahu Wata'ala menekankan hukum keharaman riba dengan suatu hal yang paling berat dan keras iaitu berupa peperangan pemakan riba melawan Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 279 yang mafhumnya : "Maka jika kamu tidak melakukan (perintah meninggalkan riba), maka yakinlah kamu akan diperangi oleh

Allah dan Rasul-Nya. Dan sekiranya kamu bertaubat (daripada memakan riba) maka kamu berhak atas modal harta kamu. (Dengan yang demikian kamu tidak menzalimi (orang lain dengan mengambil harta itu dengan berlebihan dan kamu pula tidak dizalimi (dengan berkurangnya harta kamu))."

Betapa kerasnya amaran dan peringatan Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya terhadap orang-orang yang melakukan riba dalam menjalankan perniagaan mahupun pinjaman. Iman mereka menjadi lemah ataupun kosong kerana tidak menurut perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan ajaran Rasulullah serta menjadi orang yang rugi di dunia mahupun akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 130 - 132 yang mafhumnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan (atau mengambil) riba (yang sifatnya menjadikan hutang itu) berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya. Dan peliharalah diri kamu daripada api neraka yang disediakan untuk orang-orang kafir. Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya supaya kamu dirahmati".



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
Term Contract For Rodent & Spraying For Cockroaches , Mosquito & Termites Control At Terminal Building, Brunei International Airport For A Period Of Two (2) Years AME / 2023-2024 / SH-119 (Kelas I dan II)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa
21 November 2023

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa
12 Disember 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu
13 Disember 2023,
tidak lewat jam 2.00 Petang.

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah, Seksyen
Kewangan,
Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
UBD / RFP / 002 / 2023

Keterangan :
Request For Proposal Library
Learning Commons Cafe At
Universiti Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 12 Disember 2023
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan dan Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / MAB / TA / 01
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Perisian Forticare Bagi Fortigate (3 Years License Renewal)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 5 Disember 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
12 Disember 2023
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Pusat Pembangunan Belia

Kenyataan Sebut Harga Tender Notice

Bilangan Sebut Harga :
09 / 2023 / KKBS / PPB / 11 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan dan Penghantaran Bahan-Bahan Bagi Kursus Butchering 3.0 Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Brunei Darussalam (Re-Quotation).

Tarikh Tutup :
Khamis,
30 November 2023
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran :
KK / 247 / 2023 / ESTETMOH (TC)

Keterangan :
The Provision Of Cleaning Services For the Ministry Of Health Complex, Jalan Menteri Besar For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pembekal / Pemborong :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 248 / 2023 / HTD(TC)

Keterangan :
The Supply and Delivery Of Support Services Renewal Of Oracle Licence (CSI-23135516) For Bru-Hims For Two (2) Years

Yuran Tawaran :
BND100.00

Bilangan Tawaran :
KK / 249 / 2023 / UPP(TC)

Keterangan :
To Supply and Deliver Of Medical Consumables With Provision Of Endosurgery Generator For Operating Theatre (ORL) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 250 / 2023 / UPP

Keterangan :
Supply, Deliver, Installation, Testing and Commissioning Six (6) Units Of Nasal High Flow Oxygen Therapy For Paediatrics Services, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 251 / 2023 / UPP

Keterangan :
Supply, Deliver, Installation, Testing and Commissioning Five (5) Units Of Resuscitare Radiant Warmer For Paediatrics Services, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 252 / 2023 / UPP

Keterangan :
Supply, Deliver, Installation, Testing and Commissioning Six (6) Units Of Respiratory Ventilators System For Paediatrics Services, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 253 / 2023 / UPP

Keterangan :
To Purchase One (1) Unit Of Diagnostic Auditory Brainstem Response (ABR) For Audiology Services and Tohi Services, Otorhinolaryngology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
5 Disember 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III Sahaja

Kategori :
KA01 (Kod Baru)

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB 028 / 2023

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Membaca Meter Air Untuk Mukim Seria, Liang, Bukit Sawat, Labi dan Kawasan Pendalaman Bagi Tempoh 24 Bulan.

No. Projek :
2023ADKB / B00411 / 002-002-005

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
7 November 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 November 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 03 / UPA

Nama Tawaran :
Request For Proposal to Develop, Operate, Manage and Maintain Car Park at Bandar Seri Begawan Municipal Board Area,

Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
12 Disember 2023,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Divisyen Pengurusan Korporat
Kementerian Pembangunan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KPN / PR / MISC (KEWANGAN)
Membekalkan Plak Cenderahati Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Yang Bersara Pada Tahun 2022

Bayaran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka Sebut Harga :
Sabtu,
18 November 2023

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran :
Khamis,
30 November 2023

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Isnin,
4 Disember 2023
Sebelum 9.00 Pagi.





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran :
JKR/ DME / BOP-ACM / 30 /
2023

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Di
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive, Untuk
Tempoh Dua (2) Tahun

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
5 Disember 2023
(Selasa)

Tarikh Tutup :
19 Disember 2023
(Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



BIRO MENEGAH RASUAH

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 17 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :
Sebutharga Bagi Kerja-Kerja
Membaik Pulih dan Kerosakan
Bagi Sebuah Rumah Kelas 'C',
No.8 Simpang 336-52-38
Taman Muyassarah,
Jalan Kebangsaan,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 18 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :
Supply, Install, Delivery,
Dispose & Testing
Commissioning of Solar Street
Light At Anti Corruption
Bureau, Kuala Belait Branch

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 28 November 2023
Tidak lewat dari
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Keterangan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 10 /
2022-2023[R]

Tajuk Sebut Harga :
The Supply,
Delivery, Installation,
Testing and Commissioning Of
Wireless Access Points For
Ministry Of Primary Resources
and Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga :
30 November 2023,
Khamis,
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 50 /
UPA / 01

Nama Tawaran :
Six (6) Months Term Contract
For Rubbish Collection And To
Supply Rubbish Bin At Gerai
Malam Tamu Selera



Jalan Dato Taib
Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 30 November 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN
KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Iklan Sebut Harga :

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
JKN / BPEA / SH / A / 2023-2024
(8) : Perkhidmatan Pembersihan
Di Bangunan Mahkamah Besar
Brunei dan Mahkamah-
Mahkamah Syariah,
Bandar Seri Begawan Bagi
Tempoh 24 Bulan

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Rabu,
22 November 2023
Jam 9.30 Pagi
Tempat Berkumpul Di Kawasan

Lobi Bangunan Mahkamah
Besar Brunei dan Mahkamah-
Mahkamah Syariah

Tarikh Buka Sebut Harga :
Isnin,
13 November 2023

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
28 November 2023



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Pemberitahuan
Tawaran Sebut Harga**

Tajuk Tawaran Sebut Harga :
Pembekalan 2 Buah Automated
External Defibrillator (AED) Bagi
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran Sebut Harga :
MOFE / UPAH / Q / 2023-6

Tajuk Tawaran Sebut Harga :
Pembekalan 20 Buah First
Aid Box Kit dan 20 Buah
CPR Rescue Mask Bagi
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran Sebut Harga :
MOFE / UPAH / Q / 2023-7

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu, 25 November 2023
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Jabatan
Pertubuhan-pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri**

**Jawatan Kosong Di
OIC Department of
Humanitarian Affairs,
Kingdom of Saudi Arabia**

**JAWATAN
Director
(Humanitarian Affairs) -
OIC Department of
Humanitarian Affairs**

Tarikh Tutup :
30 November 2023.

Untuk makluman,
pemohon - pemohon yang
berminat hendaklah
menghadapkan terus
permohonan dan *curriculum
vitae* melalui e-mel :
vacancy@oic-oci.org



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 - 2024 / 36

Tajuk Tawaran :
"Maintenance Of Landscape
and Facilities At Seri Kenangan
Beach Recreational Park,
Tutong For A Period Of One (1)
Year Negara Brunei
Darussalam"

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 23 November 2023,
Jam 2.00 Petang.



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.
BCY / CP / 169 / 2023**

**BIBD AT-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Ali Razali bin Mohammad
(00-124635)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **7 Oktober 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
**Ali Razali bin Mohammad
No 2, Simpang 77, Jalan Bukit
Sinadur, RPN Kg Panchor
Mengkubau, BU1729
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
29 Julai 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
**Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **7 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 28
November 2023, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **28 November 2023, jam
10.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai

dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Kes No.
BCY / CP / 224 / 2022**

**Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Zulvindarkarnain @ Zulkarnain
bin Abdul Rajit Han
(01-079506)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **21 November 2022**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
**Zulvindarkarnain @ Zulkarnain
bin Abdul Rajit Han
Lot No 6216, Simpang 766-53,
Kg Sungai Lalit, Lumut Belait,
KC2935, Negara Brunei
Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
22 Oktober 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
**Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
30 Oktober 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **21 November 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 16
November 2023, jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **16 November 2023,
jam 10.30 Pagi di Mahkamah
Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
kegagalannya.

Bertarikh :

30 Oktober 2023

**Kes No.
BCY / CP / 161 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Monalisa binti Jaib
(01-100063)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **21 November
2022**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
**Monalisa binti Jaib
No 8, Simpang 138, Kg
Pengkalan Tangsi, Tutong,
TG1453, Negara Brunei
Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
14 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
**Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
30 Oktober 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **16 September 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 27
November 2023, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **27 November 2023, jam
10.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
kegagalannya.

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Kes No.
BCY / CP / 193 / 2023**

Baiduri Finance Berhad

**- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Pengiran Aminoorizam bin
Pengiran Omar
(00-259181)**

**- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **28 Oktober 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
**Pengiran Aminoorizam bin
Pengiran Omar
No 90, Simpang 55, Jalan
Sungai Cerana, Kg Panchor
Mengkubau, BU1729, Negara
Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
7 Oktober 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
**Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
30 Oktober 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **28 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 21
Disember 2023, jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **21 Disember 2023,
jam 9.45 Pagi di Mahkamah
Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
kegagalannya.

**Bertarikh :
13 November 2023**

**Kes No.
BCY / CP / 65 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Bahari bin Haji Umar
(00-287471)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **15 Jun 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
**Bahari bin Haji Umar
No 5, Flat 15, Simpang 50,
Lapangan Terbang Lama
Berakas, Negara Brunei
Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
29 Mei 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh
diperoleh di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
**Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.**

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **15 Jun 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan
diadakan di **Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1,
Bilik (L1-8), Mahkamah Besar
pada 20 November 2023, jam
10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **20 November 2023,
jam 10.30 Pagi di Mahkamah
Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
kegagalannya.

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Muhammad Syafiq bin Awang
Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



ROMBONGAN diketuai oleh Pegawai Pendidikan, Dayang Nursyifaa'khairunnissa binti Awang Haji Rosli selaku Ketua Bahagian Business dan Technology Education Council (atas). Manakala gambar kanan, penyampaian taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji idris.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BERAKAS, Isnin, 20 November. - Seramai lima orang guru dan 19 orang pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, hari ini.

Rombongan diketuai oleh Pegawai Pendidikan selaku Ketua Bahagian Business dan Technology Education Council, Dayang Nursyifaa'khairunnissa binti Awang Haji Rosli dan kedatangan rombongan dialu-alukan oleh Ketua Unit Perhubungan Korporat, Dayang Noriah binti Dato Paduka Seri Haji Abd. Rahman dari Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Semasa lawatan tersebut, para rombongan berpeluang untuk mendengarkan taklimat ringkas mengenai Jabatan Penerangan yang disampaikan

oleh Ketua Unit Perhubungan Korporat, Dayang Noriah yang antara lain menyentuh mengenai visi Jabatan Penerangan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' dan misinya sebagai peneraju penyebaran maklumat rasmi yang sahih secara efektif, inovatif dan berintegriti dalam mengukuhkan semangat kenegaraan ke arah perpaduan bangsa dan negara.

Selain itu, rombongan juga berkesempatan mendengarkan taklimat mengenai Wawasan Brunei 2035 yang disampaikan oleh Dayang Hajah Siti Khadijah binti Dato Paduka Seri Haji Abd. Rahman dari Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Dalam taklimat tersebut, beliau telah mengongsikan tiga matlamat Wawasan Brunei

LAWATAN TINGKATKAN, MEMPERLUASKAN ILMU PENGETAHUAN



2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kualiti kehidupan rakyat yang tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Seterusnya, pengisian Lawatan Sambil Belajar tersebut diteruskan dengan taklimat yang bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji idris yang antaranya menyentuh mengenai Raja kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Lawatan Sambil Belajar diakhiri dengan mengunjungi Bahagian Pelita Brunei dan Galeri Lentera Makmur yang merupakan nilai tambah kepada

platform penyebaran maklumat yang sedia untuk menyalurkan maklumat dasar dan aktiviti sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan kepada seluruh

lapisan masyarakat tidak mengira di bandar atau pedalaman dalam usahanya untuk membudayakan masyarakat bermaklumat.



PARA pelajar juga berkesempatan mengunjungi Galeri Lentera Makmur.

Serangan seksual : Seorang lelaki dipenjara, sebat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tentera bagi menjatuhkan hukuman 20 tahun dan lapan sebatan terhadap seorang anggota beruniform atas tuduhan-tuduhan serangan seksual terhadap beberapa anggota lelaki.

Defendan pada ketika itu telah melakukan kesalahan dan dihadapkan di Mahkamah Tentera atas tuduhan serangan seksual terhadap tiga anggota lelaki berusia sekitar 19 atau 20 tahun atas empat pertuduhan pertama.

Defendan juga mengaku bersalah atas pertuduhan lima hingga 23 melakukan serangan seksual terhadap 13 anggota lelaki (termasuk dua mangsa daripada tuduhan awal) yang berumur 19 atau 20 hingga 23 tahun. Kesemua kesalahan itu dilakukan antara Januari 2020 hingga Julai 2021.

Menurut Judge Advocate,

Muhammed Faisal bin PDJLD Kol. (B) DSP Haji Kefli bersama enam pegawai beruniform, mendapati keadaan yang meringankan kes itu diatasi dengan faktor yang memburukkan kes.

Mahkamah Tentera berpendapat bahawa mesej pencegahan yang kuat harus dicerminkan daripada hukuman untuk anggota beruniform dan orang awam secara amnya.

Judge Advocate, Muhammed Faisal berkata, kes itu telah menyebabkan kerosakan kepada reputasi anggota beruniform melalui 'pecah amanah jenis yang paling teruk'. Oleh itu, Mahkamah Tentera 'kurang cenderung untuk melakukan kesalahan di sisi kelonggaran'.

Sementara itu, defendan merayu terhadap sabitan di hadapan Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon serta

Hakim Michael Peter Burrell dan Conrad Seagroatt.

Ketiga-tiga hakim itu pertama kali menangani isu yang dibangkitkan oleh Peguam Bela, Pengiran Shahyul bin Pengiran Abdul Rahman dan Ahmad Tarmizi @ Muhammad Faiz bin Haji Awang Jokeple dari (Messrs) LZ Hussain and Co.

Pertuduhan pertama, yang dilakukan sebelum 21 Mac 2020 telah disekat masa, mengikut Seksyen 119(1) Akta anggota beruniform.

Ia menyatakan : "Tiada seorang pun boleh dibicarakan oleh Mahkamah Tentera bagi apa-apa kesalahan melainkan perbicaraan dimulakan dalam tempoh tiga tahun selepas kesalahan itu dilakukan, tidak diandahkan bila-bila masa semasa dia menjadi tawanan perang dan bila-bila masa di mana dia tidak hadir secara haram".

Mahkamah Rayuan akur dengan hujah, membenarkan



rayuan dan membatalkan sabitan dan hukuman.

Ketidaksekitaan juga dibangkitkan oleh perayu terhadap semua pertuduhan selebihnya membabitkan bukti yang berkaitan dengan identiti-identiti mangsa dalam pengetahuan perayu, dengan mendakwa ia akan mengelirukan perayu dan membawa kepada kegagalan keadilan.

Hukuman dalam prinsip keseluruhannya juga dikemukakan oleh peguam perayu. Dibantu oleh hujahan daripada anggota beruniform sebagai responden, hakim tiga anggota mendapati sabitan Mahkamah Tentera adalah 'sesuai'.

Mahkamah Rayuan mendapati

defendan, mengawal sepenuhnya tindakan dan pengetahuannya terhadap mangsa tanpa sebarang ketidakpastian sehingga hukuman dijatuhkan.

Mahkamah Rayuan juga mendapati, defendan, sedar sepenuhnya, memahami sifat dan akibat pengakuannya dan mengawal sepenuhnya tindakan serta pengetahuannya terhadap mangsa, tanpa sebarang ketidakpastian sehingga hukuman dijatuhkan, yang secara berkesanan mengekalkan sabitan.

Pendakwaan diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah Ahmad Ghazali; Pendakwa Raya, Sabrina Haji Mahmud dan Mejar Azura binti Hidup.

KEPUTUSAN PSR 2023 DIKELUARKAN

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan telah mengeluarkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2023, hari ini.

Seramai 6,093 calon telah menduduki peperiksaan pada tahun inidi mana 4,175 (68.52 peratus) adalah calon sekolah kerajaan dan 1,918 (31.48 peratus) adalah calon sekolah swasta.

Daripada keseluruhan calon ini, seramai 5,239 (85.98 peratus) calon telah berjaya memperoleh Gred A-D dalam kelima-lima mata pelajaran. Manakala calon yang memperoleh Gred A-C dalam kelima-lima mata pelajaran adalah seramai 4,360 calon (71.56 peratus).

Jumlah calon sekolah kerajaan yang memperoleh Gred A-C dalam kelima-lima mata pelajaran adalah seramai 2,801 calon (67.09 peratus) sementara itu pencapaian Gred A-C bagi calon sekolah swasta ialah seramai 1,559 calon (81.28 peratus).

Sebanyak 36 buah sekolah telah mencapai keputusan 100 peratus lulus Gred A-D bagi kelima-lima mata pelajaran termasuk 22 buah sekolah kerajaan. Manakala sebanyak 13 buah sekolah telah berjaya mencapai keputusan 100 peratus Gred A-C bagi kelima-lima mata pelajaran, di mana sembilan buah daripadanya adalah sekolah kerajaan.

Seramai 556 calon sekolah (9.13 peratus) telah mendapat Gred A dalam kelima-lima mata pelajaran, peningkatan sebanyak 1.08 peratus berbanding pencapaian pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, seramai 273 calon adalah terdiri dari calon-calon sekolah

kerajaan.

Secara keseluruhan seramai 498 calon sekolah (8.17 peratus) daripada 556 calon yang mendapat 5 Gred A adalah terdiri daripada rakyat tempatan. Manakala pencapaian calon yang mendapat empat Gred A dan satu Gred B adalah seramai 662 calon, yang mana 376 calon (56.80 peratus) adalah daripada sekolah kerajaan.

Terdapat peningkatan dalam empat mata pelajaran berbanding tahun 2022 bagi Gred A-C. Mata pelajaran-mata pelajaran tersebut adalah Melayu Islam Beraja, 97.93 peratus, peningkatan sebanyak 0.27 peratus, English Language, 92.45 peratus peningkatan sebanyak 0.53 peratus, Science, 89.30 peratus peningkatan sebanyak 1.07 peratus dan Mathematics, 76.46 peratus peningkatan sebanyak 13.04 peratus.

Dari segi kualiti pencapaian calon yang memperoleh Gred A bagi setiap mata pelajaran secara keseluruhan adalah Melayu Islam Beraja, 50.94 peratus, English Language, 39.76 peratus, Science, 38.74 peratus, Mathematics, 30.46 peratus dan Bahasa Melayu, 25.76 peratus.

Pelajar-pelajar yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing.

Manakala bagi calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

2 pekerja asing lari daripada majikan


■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

SENGKURONG, Isnin, 20 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan dua pekerja warganegara Bangladesh yang dipercayai lari daripada majikan.

Pekerja berkenaan iaitu Hridoy Rajbongse, lelaki berusia 28 tahun dengan nombor PPT : EE0121388

dan Shanto Rajbonshi, lelaki berusia 38 tahun dengan nombor PPT : EH0702427.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



HRIDOY Rajbongse, berusia 28 tahun dengan no. PPT : EE0121388 (kiri) dan Shanto Rajbonshi, berusia 38 tahun dengan no. PPT : EH0702427 (kanan) dipercayai lari daripada majikan.

Kenali Bahasa Brunei

Waham bermaksud waswas, ragu-ragu, atau kurang yakin akan kesahihan atau kebenaran sesuatu perkara, berita, cerita, dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : **waham**ku lakat kan kurapaknya atu.

Jagau bermaksud tinggi dan kurus tentang orang.
Contoh pemakaian kata : **jagau** badan anaknya atu, padahal umurnya baru jua sepuluh taun.

Bajagum bermaksud ditumbuhi bulu pada dagu dan pipi.
Contoh pemakaian kata : bisai jua ia **bajagum** atu, imbas macam urang muda carita hindustan.

Manjangat bermaksud melihat dengan menghulurkan kepala keluar daripada jendela atau pintu.
Contoh pemakaian kata : bilanya mandangar urang mangatuk pintu atu inda ia tarus mambukai, **manjangat** ganya ia dari tabuk.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN




Foto : Azmah Haji Ahad

Nasi Goreng Petai Kampung Sibut

BAHAN-BAHANNYA :

5 cawan nasi sejuk
300gm tahai yang telah dikupas dan dibuang tulangnya
300gm petai yang telah dibuang kulitnya
Garam dan gula secukup rasa

2 sudu makan lada kisar
3 biji bawang putih yang telah dikisar
Minyak untuk menumis

CARA-CARA MEMBUATNYA :
Panaskan minyak setelah

cukup panas barulah dimasukkan bahan-bahan yang telah dikisar tadi. Setelah itu, baru masukkan bahan-bahan seperti tahai, petai dan akhir sekali masukkan nasi dan masak sehingga selesai.

MUKA 8

PELITA BRUNEI, Rabu 20 November, 1963.

PERTUNJOKAN MEMADAM API DI-KAMPONG AYER BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah menyeru kepada Ketua2 Kampong dan Pehin2 supaya memberikan kerjasama mereka dalam mengatasi kesulitan kebakaran di-kampong2 ayer dan darat di-Negeri Brunei.

Parajurit2 Balek Ka-Siginting

BANDAR BRUNEI. — Semua parajurit Askar Melayu Brunei, di-ketuai oleh Second Lieutenant Sulaiman bin Awang Damit yang telah balek ka-Brunei dalam bulan Oktober yang lalu kerana berchuti di-Tanah Ayer akan berangkat balek ka-Negeri Sembilan pada hari Isnin 25 November untuk meneruskan lathahan di-Perkhemahan Siginting.

Mereka di-kehendaki berada di-Tambatan Kastam Di-Raja. Bandar Brunei tidak lewat dari pukul 7 pagi hari tersebut.

Parajurit2 yang berkehendakan keinderaan ada-lah di-nasehatkan supaya mereka menunggu di-tepi jalan besar yang berdekatan supaya dapat menyenangkan pemandu2 kereta mengambil mereka untuk di-bawa ka-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei. Mereka akan belayar ka-Labuan dengan kapal 'Bolkiah' pada pukul 7.45 pagi 25 November dan akan belayar dari Labuan ka-Singapura dengan kapal Kunak pada petang hari tersebut.


Mereka di-jangka sampai di-Singapura pada 29 November dan akan berangkat ka-Seremban dengan kereta api pada pukul 10 malam 29 November dalam perjalanan ka-Perkhemahan Siginting.

Seruan itu telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal ketika beliau memberikan ucapan di-atas kapal "Sultan" pada pagi hari Isnin 11 November, ia-itu sa-jurus sa-lepas anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei menunjokan chara2 memadam kebakaran di-Kampong Ayer dengan menggunakan sa-buah perahu telampong yang di-lengkapi dengan perkakas2 pemadam api jenis baharu dari Hong Kong.

Di-antara orang2 yang hadir di-atas kapal tersebut untuk menyaksikan pertunjokan pemadam api itu ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarul Zaman; Yang Berhormat Inche R.D. Ross; serta beberapa orang Ketua2 Kampong dan Pehin2.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah juga menasehatkan Ketua2 Kampong dan Pehin2 tersebut supaya mereka membuat perhubungan dengan Pengarah Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei, Inche Lam Soo Man dan meminta penerangan berhubung dengan kebakaran daripada Inche Soo Man untuk pengetahuan anak2 buah kampong masing2.

Walau pun ada beberapa kesulitan, sa-umpama tiang2 rumah terlampau berdekatan di-antara satu rumah dengan lain dan perahu telampong itu tidak dapat



Anggota2 Pasukan Perkhidmatan Bomba Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang menunjukkan chara memadam kebakaran di-Sungai Brunei pada pagi hari Isnin 11 Nov. 1963.

menghampiri tempat berlaku kebakaran itu, akan tetapi masa'alah sa-demikian dapat di-atasi dengan menggunakan paip getah yang ada diatas perahu telampong itu, kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

Beliau menegaskan bahawa perahu telampong itu, bukan sahaja boleh di-gunakan untuk memadam kebakaran di-Kampong Ayer, bahkan ia juga dapat menghampiri tebing2 sungai yang ayer-nya hanya beberapa kaki sahaja dalam.

KELAB BELIA DI-TUBOHKAN DI-KUALA BELAIT

KUALA BELAIT. — Belia2 di-Kuala Belait telah menubuhkan Kelab Belia Kuala Belait dalam satu perjumpaan yang telah di-adakan di-bangunan Sekolah Chung Hwa, Kuala Belait pada petang hari Ahad yang lalu.

Pengelola Rancangan Belia, Daerah Belait, Inche Harun Kamal bin Endot dan Inche Wan Shafie, sa-orang Pegawai Klub Belia Seria ia-lah di-antara orang2 yang telah memberi penerangan berkenaan dengan penubuhan Kelab2 Belia di-majlis tersebut.

Pegawai2 Kelab Belia Kuala Belait yang telah di-lantek dalam meshuarat tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Puan Chow Suet Peng. Naib Yang Dipertua — Inche M.A. Rahman. Setia Usaha Kehormat — Inche Han

Keng Guan. Penolong Setia Usaha Kehormat — Puan Chong Seng Moi. Bendahari Kehormat — Puan Mary Chong. Ahli2 Jawatan Kuasa — Puan Helen Loh. Inche Embran. Inche Chuan Ted Sheng dan Awangku Tajuddin.

Seniman2 — Seniwati2 Singapura

Melawat Brunei

KUALA BELAIT. — Beberapa orang Seniman dan Seniwati Melayu serta China dari Singapura telah menghiborkan hati ramai para penonton di-temasha Malam Gembira di-Pekan Kuala Belait dengan mempersembahkan berbagai2 nyanyian2 suka ramai, tarian2 berchorak kebudayaan dan baharu, lakonan2 jenaka, permainan silap mata dan lain2-nya semenjak malam Nov. 11.

Di-antara Seniman2 dan Seniwati2 tersebut ia-lah Zaini Satar, "Raja Kelakar" Pak Saleh Tapai Ubi, Hamid Geliga, Aminah Ismail, Rafeah Ismail, Samaniah Sa'at, Safariah Parman dan Lee Ming.

Berbagai2 achara penghiboran, bukan sahaja untok orang2 dewasa, bahkan untok2 kanak2 juga di-adakan di-temasha Malam Gembira itu saperti Buayan Berpusing, Kuda Berpusing, Kereta Api dan sa-bagai-nya.

Temasha Malam Gembira itu akan di-teruskan hingga ka-akhir bulan ini. Kemudian temasha itu akan di-adakan di-Bandar Brunei pula.

MEMELOK UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Empat orang adek beradek bangsa China yang tinggal di-Kampong Kilanas, Jalan Tutong telah memelok Ugama Islam pada malam 9 November, 1963.

Istiadat mengislamkan ka-empat2 orang itu telah di-lakukan oleh Kadhi Ishak bin Adam di-rumah Pengiran Haji Mahmood, di-Kampong Pemancha Lama, Bandar Brunei.

Ramai Pegawai2 Mesjid dan lain2 orang telah menyaksikan istiadat tersebut.

Ka-empat2 orang adek beradek tersebut yang telah memelok Ugama Islam ada-lah saperti di-bawah ini:

Yee Ngit Yin, berumur 17 tahun. Nama Islam-nya ia-lah Umi Kalsom binti Abdullah.

Yang Siong Fong, berumur 8 tahun. Nama Islam-nya ia-lah Rokiah binti Abdullah.

Yang Chook Fah, berumur 7

tahun. Nama Islam-nya ia-lah Salbiah binti Abdullah.

Yang Foo Yee, berumur 3 tahun. Nama Islam-nya ia-lah Abu Bakar bin Abdul'ah.

MAJLIS PEMINANGAN DI-SERIA



Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah mempersembahkan Malam Kesenian dan Kebudayaan sa-bagai menyambut Meshuarat Agung Ulang Tahun P.G.G.M.B. di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 25 Oktober yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan satupersembahan istimewa di-temasha tersebut mengenai Adat Meminang Di-Negeri Brunei. Gambar dengan chsan akbar SALAM.



Majlis Ilmu : Wadah meraih ilmu, menyatukan ummah

Tema Majlis Ilmu 2023

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

Alhamdulillah pada tahun ini Majlis Ilmu akan berlangsung pada 23 hingga 28 November 2023 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Tema Majlis Ilmu pada tahun ini ialah Munajat Senegara dengan Taubat.

Tema pada tahun ini sangat signifikan setelah seluruh dunia mengalami impak penularan wabak COVID-19 yang hampir melemahkan jentera pentadbiran kerajaan di seluruh dunia. Dalam usaha menangani penularan wabak ini, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan langkah-langkah pengawalan yang ketat bagi memastikan kesejahteraan orang ramai akan terus terpelihara dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan serta mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing. Tetapi apa yang lebih mengesankan ialah negara kita mengamalkan SOP agama dalam mendepani penularan wabak ini. Umat Islam terus bermunajat, bertaubat dengan memperbanyakkan istighfar, dan bersabar dalam menghadapi musibah ini.

Sebagai umat Islam, kita memohon dan berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kita dapat melaksanakan segala syiar Islam dengan sempurna. Seberapa banyak dan besar dosa kita sekalipun, teruslah bertaubat memohon ampun kepada Allah kerana Dialah Tuhan yang Maha Pengampun dan Maha Menerima taubat hamba-Nya. Mudah-mudahan dengan bertaubat, Allah Subhanahu Wata'ala memudahkan setiap urusan kita, melimpahkan rahmat agar kesejahteraan, keamanan berkekalan serta dijauhkan daripada bencana serta penyakit berjangkit.

Aturcara Majlis ilmu 2023

Pada Majlis Ilmu 2023 yang akan diadakan di Dewan Persidangan Utama, Sesi Ceramah Khas Majlis Ilmu 2023 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Ini diikuti dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 pada 25 November yang diadakan pada sebelah petang dengan mengetengahkan tiga orang panel.

Pada Isnin 27 November, pada sebelah pagi, satu Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023 akan disampaikan dengan tajuk Munajat Terapi Hati.

Seminar Majlis Ilmu 2023 juga akan diadakan pada 23, 27 dan 28 November di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa. Sebanyak empat belas kertas kerja akan dibentangkan sepanjang Seminar Majlis Ilmu tersebut.

Program Munajat dan Taubat Senegara

Program ini akan diadakan pada Sabtu, Malam Ahad, 18 Jamadilawal 1445H

bersamaan 2 Disember 2023M yang akan diadakan dikeempat-empat daerah bermula pada pukul 5.30 petang. Di Daerah Brunei dan Muara, program ini akan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Bagi Daerah Tutong pula, program ini akan diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah. Sementara itu bagi Daerah Belait, Masjid Mohammad Jamalul Alam akan menjadi tumpuan bagi program Munajat dan Taubat Senegara ini. Bagi Daerah Temburong pula, program ini akan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh.

Pengisian program ini termasuklah Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Ba'diyah Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Sunat Taubat Berjemaah dan bacaan Wirid selepas Sembahyang Sunat Taubat.

Program Ceramah sempena Majlis Ilmu 2023

Selain daripada sambutan Majlis Ilmu yang diisikan dengan Ceramah Perdana, Seminar dan Pameran, program Ceramah Sempena Majlis Ilmu 2023 juga akan di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong yang akan diadakan pada Khamis, 7 Disember pada pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Bagi Daerah Tutong, program ceramah akan diadakan di Dewan Serbaguna, Mahad Islam Brunei. Manakala bagi Daerah Belait pula, program ceramah akan diadakan di Pusat Insani, Seria. Sementara itu di Daerah Temburong, program ceramah akan diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong.

Pameran Majlis Ilmu 2023

Selain Ceramah Khas serta Forum Perdana, Majlis Ilmu 2023 juga mengadakan Pameran Majlis Ilmu 2023. Sebanyak dua belas agensi kerajaan dan swasta ikut serta dalam pameran ini dengan mengetengahkan pelbagai perkhidmatan dan produk.

Pameran ini akan diadakan selama seminggu bermula Khamis, 23 November 2023 dan pameran ini akan berakhir pada Rabu, 29 November 2023. Pameran ini dibukakan bagi kunjungan orang ramai.

Kesimpulan

Majlis Ilmu ini telah pun banyak menyumbangkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk negara ini sama ada melalui seminar dan juga ceramah. Sewajarnya dengan menghadiri Majlis Ilmu ini kita akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam keagamaan khususnya. Di samping itu ia dapat mengeratkan ikatan silaturahmi sesama umat walaupun berlainan bangsa dan keturunan.

MAJLIS Ilmu adalah merupakan salah satu acara utama perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diungkayahkan oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu sejak tahun 2004. Majlis Ilmu telah banyak menyumbangkan berbagai ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

"Beta sesungguhnya sangatlah gembira kerana mulai pada tahun ini satu Majlis Ilmu adalah menjadi salah satu upacara utama Perayaan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan beta.

Beta turut melihat, betapa upacara keilmuan itu sangatlah penting untuk diberikan ruang yang luas di dalam perayaan-perayaan kebangsaan. Kerana ia bukan sahaja ibarat juadah baru untuk dinikmati, malahan - lebih utama - menjadi wadah dan tempat bertolak ke arah kecemerlangan ummah."

- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Seminar Institusi Masjid dan Pameran Mengenalinya di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 1 Jamadilakhir 1425 / 19 Julai 2004.

Majlis Ilmu pada tahun ini diungkayahkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Ilmu itu nanti juga akan mengetengahkan Sesi Ceramah Khas Majlis Ilmu 2023, Forum Perdana

dan Ceramah Perdana dengan mengundang pakar-pakar khusus dalam bidang masing-masing dari dalam dan luar negara.

Majlis Ilmu, platform ilmu dan penyatuan ummah

Sejak dilaksanakan pada tahun 2004, Majlis Ilmu telah banyak menyediakan pelbagai ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk di negara ini sekali gus sebagai wadah mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ilmu ini juga adalah sebagai satu platform yang menyatukan ummah di bumi Darussalam dengan negara-negara Islam serantau dan antarabangsa, melalui penglibatan penceramah-penceramah undangan baik dari dalam dan juga dari luar negara.

Menuntut ilmu merupakan kewajiban dan tuntutan terhadap setiap insan. Ini kerana, ilmu merupakan kayu ukur dalam kehidupan kita dalam menentukan sama ada perkara tersebut baik atau tidak. Selain itu, Allah Subhanahu Wata'ala juga akan mengangkat orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat berdasarkan firman-Nya yang bermaksud :

"Supaya Allah Subhanahu Wata'ala meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat." [al-Mujadalah:11]



7 PREMIS PERNIAGAAN GAGAL PATUHI AKTA KAWALAN HARGA

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengambil tindakan ke atas tujuh buah premis perniagaan kerana gagal mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di sepanjang bulan Oktober 2023. Dalam pemeriksaan rutin harian yang dilaksanakan pada bulan

Oktober 2023, enam buah premis perniagaan telah didapati menjual beberapa jenis minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Manakala, sebuah premis lagi didapati tidak memaparkan tanda harga pada beberapa jenis sayuran dan buah-buahan yang dijual di premis berkenaan. Berikutan itu, lima notis amaran telah dikeluarkan ke atas premis-premis terbabit.

Sementara itu, dua buah syarikat iaitu D. Chawla Enterprise, Kampung Lambak; dan Amymaas Sdn. Bhd., Kampung Tanjung Bunut, dikenakan tindakan kompaun berjumlah BND500, di bawah kesalahan Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga (produk minyak masak).

Di kesempatan ini, JPES sekali lagi mengingatkan para peniaga untuk sentiasa bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan-perniagaan yang beretika dan sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 khususnya melibatkan barangan yang dikawal harga untuk tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan serta memastikan barangan yang dijual sentiasa dipamerkan tanda harga yang jelas, tepat dan tidak mengelirukan.

Maklumat harga maksimum bagi barangan yang dikawal harga

Bil.	Nama syarikat	Kesalahan	Tindakan (Kompaun)
1	D. Chawla Enterprise, Kg. Lambak	Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga (produk minyak masak)	\$500.00
2	Amymaas Sdn Bhd, Kg. Tanjung Bunut	Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga (produk minyak masak)	\$500.00

boleh diperoleh di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan di laman sesawang JPES di www.deps.gov.bn/cad.

Sebarang pertanyaan atau aduan pengguna berkaitan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh disalurkan ke JPES

melalui saluran-saluran rasmi melalui aplikasi mudah alih *PenggunaBijak*, atau Talian Darussalam 123, atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn, dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti.



PENGUATKUASA JPES semasa menjalankan pemeriksaan ke atas salah sebuah premis (kiri). Manakala gambar kanan dan kanan sekali, minyak masak yang didapati dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.



Suntik semangat solidariti, patriotik dalam diri penuntut



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

TUTONG, Selasa, 21 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong hari ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi para penuntut Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Tutong bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan mengenai Raja Kita dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Tutong,

Awang Isa bin Haji Abdul Rahman. Dalam taklimatnya, beliau menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara antara lain hendaklah memastikan bendera dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya.

Para penuntut seterusnya berpeluang menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Turut hadir ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Rosmayati binti Haji Adanan serta para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan

Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara di samping untuk mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Kuiz Kenegaraan kendalian Jabatan Penerangan.

PROGRAM Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dihadiri oleh para penuntut Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Tutong.

جاينن فراتخون ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alisahrin Haji Momin



TRANSFORMASI PRODUKTIVITI DENGAN CHATGPT

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan webinar secara dalam talian yang bertajuk 'ChatGPT : A Game Changer for Everyday Efficiency', baru-baru ini.

Webinar tersebut dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Mohammad Tazli Azizan.

Webinar tersebut diadakan bersempena dengan Hari Terbuka C3L dan Festival Pembelajaran Sepanjang Hayat yang akan diadakan pada 23 November 2023 di Bangunan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD.

Webinar telah menarik seramai 126 peserta yang bersemangat dari pelbagai latar belakang. Mereka memulakan perjalanan penerokaan ke dalam dunia ChatGPT, memperoleh pengetahuan mendalam tentang ciri-ciri canggihnya, aplikasi praktikal dan prinsip penggunaan beretika.

Lebih daripada sekadar syarahan, sesi itu memberi peluang

ANTARA yang menyertai webinar anjuran Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), Universiti Brunei Darussalam (UBD) bertajuk 'ChatGPT: A Game Changer for Everyday Efficiency'.

kepada peserta untuk menggabungkan ChatGPT dengan lancar ke dalam rutin harian mereka, menunjukkan cara alat Kecerdasan Buatan (AI) revolusioner ini boleh menyelaraskan dan mengautomatiskan pelbagai tugas dengan kecekapan yang luar biasa.

Dr. Mohammad Tazli Azizan, seorang pakar terkenal di C3L UBD diraikan kerana kepakarannya dalam pedagogi berpusatkan pelajar, alatan AI dan inovasi dasar pendidikan.

Kaedah pengajarannya yang menarik dan perspektif berwawasan tentang AI menjadikannya seorang tokoh yang popular pada forum dan persidangan pendidikan di seluruh dunia.

C3L di UBD kekal teguh



dalam misinya untuk memupuk budaya pembelajaran berterusan, rangkaian dan pertumbuhan profesional.

Hari Terbuka C3L dan Festival Pembelajaran Sepanjang Hayat akan datang merangkumi misi ini. Ia menjemput alumni, para pelajar, fakulti dan pihak berkepentingan

luar untuk melibatkan diri dalam memperkayakan pengalaman pembelajaran dan membina hubungan yang berkekalan.

Festival ini akan berakhir dengan upacara penyampaian hadiah, meraikan pencapaian dan sumbangan kepada para peserta. Untuk menjadi sebahagian

daripada pembelajaran transformatif ini, peserta yang berminat boleh mendaftar untuk acara tersebut dengan melayari laman sesawang C3L di <http://ubd.edu.bn/c3l> atau mengikuti C3L di Instagram @c3l.ubd untuk maklumat lanjut dan kemas kini.



Semai semangat solidariti, patriotik

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Alisahrin bin Haji Mumin

Seramai 66 penuntut di Sekolah Menengah Katok hari ini berpeluang mendengarkan taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan, berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' adalah merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Ia juga dihasrat akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



TAKLIMAT mengenai Tatacara Menaik-kibar Bendera Negara iaitu antara lain hendaklah memastikan bendera dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Khaidir Shah bin Haji Abdul Halim.

Turut hadir Timbalan Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Siti binti Pungut serta para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibar Bendera Negara iaitu antara lain hendaklah memastikan bendera dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya dan Sejarah Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

PEGAWAI Luar Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Khaidir Shah bin Haji Abdul Halim semasa menyampaikan taklimat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik meneruskan Program Taklimat Kenegaraan bagi maktab-maktab dan sekolah menengah kerajaan seluruh negara dari semasa ke semasa.

جائون فراتخون ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store | Get it on Google play



ANTARA penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

LENGKAPKAN WARGA EMAS DENGAN KEMAHIRAN, PENGETAHUAN DIGITAL

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 November. - Dalam usaha untuk melengkapkan warga emas dengan kemahiran dan pengetahuan digital, serta menggunakan dunia dalam talian (*online world*) dengan selamat, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dengan sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini

mengadakan Program Digital WARGAMAS yang berlangsung di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan program berkenaan ialah Ketua Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Sesi pagi dimulakan dengan sesi perkongsian daripada

Cyber Security Brunei (CSB), AITI, dan Pasukan Polis Diraja Brunei, yang menengahkan topik mengenai perlindungan identiti dalam talian, pengenalan maklumat palsu dan jenayah penipuan siber.

BIBD juga berpeluang mengongsikan mengenai kemudahan aplikasi perbankan dalam talian dan pembayaran digital mereka.

Sesi petang diteruskan dengan pembentangan daripada EVYD Sdn. Bhd. dan GoMamam Sdn. Bhd., yang menerangkan fungsi aplikasi masing-masing, BruHealth dan GoMamam, untuk menggambarkan bagaimana alat ini boleh memberi manfaat kepada komuniti warga emas.

Sesi bermaklumat itu diharapkan dapat memberikan pandangan yang berharga kepada warga emas dalam menavigasi landskap digital sambil menekankan kepentingan keselamatan dalam era transformasi digital. Lebih banyak program jangkauan komuniti akan dianjurkan dalam masa terdekat untuk meneruskan perjalanan ke arah merapatkan jurang digital, yang akan menghasilkan rangkuman digital di seluruh negara.

Digital Brunei adalah inisiatif daripada Majlis Ekonomi

KETUA Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan program berkenaan (kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara sesi perkongsian pada Program Digital WARGAMAS.



ANTARA yang hadir pada program berkenaan yang berlangsung di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei.

Digital yang difasilitasi oleh AITI dengan tujuan untuk memperkasakan masyarakat melalui teknologi digital dalam usaha mewujudkan lebih banyak masyarakat inklusif digital.

Inisiatif ini juga mempunyai objektif untuk membina Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang memupuk inovasi dan teknologi digital dengan membawa kesedaran kepada usaha pendigitalan seluruh negara. Digital Brunei komited untuk menyelaraskan objektifnya dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan menyokong Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Untuk maklumat terkini mengenai inisiatif Digital Brunei, ikuti di Instagram, Facebook dan LinkedIn di @digitalbrunei.

Dukung pembangunan sukan wanita

>> Muka 24

Jelasnya, program atau amalan terbaik yang dikongsikan semasa seminar Gender Equity anjuran Olympic Council of Asia (OCA) di Manama, Bahrain pada tahun 2022, telah menyokong Perwakilan Wanita, BDNOC untuk menubuhkan komiti GEC dan seterusnya mengambil inisiatif bagi mengadakan seminar Wanita dalam Sukan yang pertama pada tahun ini.

Dalam hasrat meningkatkan penglibatan Wanita dalam sukan, tambahna, komiti GEC menyeru agar kaum wanita perlu tampil ke hadapan mengambil peranan dalam sama-sama memberikan sumbangan pembangunan sukan secara inklusif melalui penglibatan dalam pergerakan eksekutif Persatuan Sukan Kebangsaan.

"Pentingnya penglibatan wanita dalam sukan baik di peringkat penyertaan mahupun pentadbiran sukan sangat-sangat diambil perhatian serius dan diperbincangkan di peringkat antarabangsa," katanya.

"Oleh itu, adalah diharapkan hasil dari seminar selama dua hari ini akan membantu dalam pembentukan hala tuju dan menyediakan satu polisi wanita dalam sukan untuk meningkatkan lebih banyak penyertaan atlet perempuan di dalam sukan dan seterusnya penyertaan wanita dalam komiti eksekutif persatuan-persatuan sukan," ujarnya.

GEC bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran kepada semua terutamanya dalam kalangan wanita mengenai pentingnya mengambil bahagian dalam sukan dan melibatkan diri



UCAPAN alu-aluan daripada Penasihat GEC, Perwakilan Wanita, BDNOC, Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen.

dengan memegang jawatan kepimpinan dalam persatuan.

Manakala, seminar tersebut bertujuan untuk menggalakkan kesaksamaan gender dan meningkatkan program untuk menyokong wanita dalam sukan.

Diiilhamkan oleh tema Hari Olimpik Antarabangsa tahun ini, 'Bersama, untuk Dunia yang Aman', jawatankuasa ini berhasrat untuk meningkatkan peluang bagi wanita di Brunei untuk mencapai akses dan penyertaan yang sama dalam semua bidang sukan bersama rakan-rakan lelaki sebagai satu pasukan untuk menyokong atlet dan persatuan sukan.

Seramai 52 peserta telah mengambil bahagian dalam seminar tersebut yang terdiri daripada atlet kebangsaan, ahli-ahli jawatankuasa eksekutif daripada persatuan-persatuan sukan, pegawai-pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan dan pihak-pihak berkepentingan dalam Sukan Brunei.

Kelab karate NBD adakan latihan gabungan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Karate Brunei Darussalam

TUTONG, Selasa, 21 November. - Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF) baru-baru ini mengadakan latihan gabungan bersama 124 karate dari semua kelab karate di Negara Brunei Darussalam (NBD) bertempat di Kompleks Sukan Tutong.

Latihan tersebut diketuai oleh seorang jurulatih karate jemputan dari Jepun, iaitu Shihan Hideki Wakasugi, di mana beliau juga adalah bekas Jurulatih Kebangsaan Sukan Karate NBD dari tahun 1994 hingga 1999.

Kelab-kelab karate yang hadir adalah terdiri daripada Persekutuan Karate Shitokai, Wadokai Brunei Darussalam, JKMO Shotokan Brunei Darussalam, IKGA Brunei Darussalam dan Rengokai Brunei Darussalam.

Matlamat utama aktiviti latihan gabung ini diadakan adalah untuk menyatukan semua karateka NBD di satu tempat dan mengenali sesama sendiri sambil bertukar-tukar pengalaman dan juga teknik karateka.

Dari itu mereka dapat menanamkan sifat solidariti sesama mereka dan berkemungkinan juga akan memperkembangkan serta memajukan sukan karate di NBD.

Program latihan gabungan itu dimulakan dengan ucapan daripada Presiden BRUKAF, Pengiran Haji Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara (Dr.) Haji Mohd. Yusof.

Setelah itu, latihan diteruskan dengan menyaksikan pertunjukan dari pasukan KATA Perempuan,

iaitu pemenang pingat gangsa semasa Asian Game Hangzhou 2022.

Latihan pemanasan badan juga diadakan yang diketuai oleh Ketua Jurulatih Kelab IKGA Brunei Darussalam, Sensei Muhammad Shukri bin Haji Masri sambil disaksikan oleh tetamu jemputan, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru; Presiden BRUKAF, dan semua Ahli Eksekutif Persekutuan Karate Brunei Darussalam.

Selepas sesi pemanasan badan, latihan diambil alih oleh jurulatih jemputan dari Jepun, Shihan Hideki Wakasugi.

Latihan gabungan ini adalah dibuat kali kedua, di mana pertama kali ia diadakan ialah pada 27 Disember 2020 dan dikendalikan oleh Kelab Karate JKMO Shotokan Brunei Darussalam.



SUASANA latihan gabungan anjuran IKGA Brunei Darussalam di Kompleks Sukan Tutong.



ePaper Pelita Brunei



MEMPERKASA KEPENTINGAN PERANAN WANITA DALAM SUKAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Selasa, 21 November. - Seminar Wanita dalam Sukan diadakan bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran kepada golongan wanita tentang kepentingan ekosistem keseimbangan gender dalam Sukan Brunei, telah mengetengahkan pelbagai topik, termasuk 'Way Forward For Women In Sports', 'Career Pathway insport', dan 'Sport As A tool for Innovation'.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersabda, matlamat seminar tersebut sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 5, iaitu untuk mencapai Kesaksamaan Gender dan memperkasa golongan wanita dalam sukan.

"Hasil dari penyelidikan yang dilakukan oleh Perwakilan Wanita,

di Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) ini menunjukkan bahawa penglibatan wanita sebagai komiti eksekutif di dalam persatuan dan persekutuan sukan adalah agak minimal yang mana berpandukan Garis Panduan IOC bahawa wanita hendaklah sekurang-kurangnya memenuhi 30 peratus daripada komiti eksekutif tersebut," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda demikian pada Majlis Perasmian Seminar Wanita dalam Sukan anjuran Perwakilan Wanita, BDNOC melalui Jawatankuasa Ekuiti Gender di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda menegaskan, walaupun perkara ini tidak akan berlaku dengan sekelip mata, tetapi dengan usaha Jawatankuasa Ekuiti Gender, insyaaAllah perkara tersebut akan terlaksana.

"Seterusnya dari segi penyertaan atlet, setakat ini seramai 1022 orang atlet perempuan direkodkan, iaitu

sebanyak 34 peratus atlet perempuan.

"Di samping itu, Olympic Agenda 2020 di bawah IOC juga ada menggariskan pelan hala tuju Olympic Movement 2020 dan IOC Gender Equality Review Project berdasarkan Credibility, Sustainability dan Youth.

"Sejak Olympic Agenda 2020 diadopsikan, ianya telah memberi impak ke dalam penglibatan wanita dalam sukan secara keseluruhannya," sabda DYTm.

Antara cadangan yang digariskan, sabda DYTm, termasuk mengambil kira kesaksamaan seperti jumlah kuota bagi atlet lelaki dan perempuan; pegawai teknikal lelaki dan Perempuan; serta jurulatih lelaki dan perempuan.

DYTm bersabda menjelaskan, inisiatif Jawatankuasa Ekuiti Gender berkenaan telah disambut baik oleh Chairperson of The Women and Sports Committee, Olympic Council of Asia (OCA), Her Excellency Sheikh Hayat Bint Abdul Aziz Al Khalifa.

"Di sini, saya berharap semua

yang hadir akan mengambil maklum mengenai perkara-perkara yang telah dikongsikan dan seharusnya mula memikirkan apakah pelan strategi yang bersesuaian yang perlu dibuat agar impaknya nanti menuju ke arah pembangunan sukan di Negara Brunei Darussalam," ujar DYTm dalam sabda.

Terdahulu, DYTm bersabda, seminar yang buat julung kali dianjurkan itu merupakan acara yang akan memperkasa pemimpin wanita masa hadapan dalam sukan dengan memberikan sokongan yang diperlukan di samping melindungi hak mereka dalam sukan.

"Seminar yang diadakan telah menerima seramai 50 orang peserta dari 30 Persatuan dan Persekutuan Sukan Brunei Darussalam, pegawai-pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai dari tiga Majlis Sukan.

"Penyertaan mereka ini menunjukkan sokongan padu daripada pelbagai pihak dalam memperkasakan kepentingan peranan wanita dalam pelbagai



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) semasa berkenan mengurniakan sabda pada majlis tersebut.

bidang sukan di negara ini," sabda DYTm.

DYTm bersabda, Jawatankuasa Ekuiti Gender menjemput wakil daripada Persatuan-persatuan Sukan untuk mewujudkan satu platform perbincangan dan juga bekerjasama dalam memperkasakan peranan wanita dalam bidang sukan.

Dukung pembangunan sukan wanita



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC berkenan berangkat pada Majlis Perasmian Seminar Wanita dalam Sukan anjuran Perwakilan Wanita, BDNOC melalui Jawatankuasa Ekuiti Gender di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

BERAKAS, Selasa, 21 November. - Perwakilan Wanita, Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) melalui Jawatankuasa Ekuiti Gender (GEC) yang baru ditubuhkan menganjurkan Seminar Wanita dalam Sukan selama dua hari, bermula hari ini

bertempat di Community Area baharu Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Bertemakan 'Ke Arah Ekosistem Keseimbangan Gender dalam Sukan Brunei', seminar tersebut memfokuskan dua bidang utama iaitu menggalakkan penyertaan atlet wanita dan menyokong

wanita dalam peranan membuat keputusan dalam konteks sukan Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Presiden BDNOC berkenan berangkat bagi merasmikan seminar tersebut.

Penasihat GEC, Perwakilan Wanita, BDNOC, Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen dalam ucapan alu-aluannya berkata, GEC ditubuhkan sebagai satu komiti

yang bertanggungjawab untuk menyelaras program-program pendidikan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan latihan perkembangan dan kompetensi wanita sebagai seorang pemimpin di dalam urus tadbir sukan.

>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENUNTUT ILMU ADALAH KEWAJIPAN, TUNTUTAN TERHADAP SETIAP INSAN